# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 21 — RABU 27HB MEI, 1981. — 1401 رجب 23 رابو — PERCHUMA

## DYTM PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN RASMIKAN MASHUARAT PERSATUAN ASIA DIRAJA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin di-jangka akan berangkat merasmikan Mashuarat Majlis Persatuan Asia Diraja Chawangan Malaysia-Brunei pada hari Khamis, 28hb Mei (esok) bertempat di-Muzium Brunei, Jalan Kota Batu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ia-lah penaong persatuan tersebut.

Sa-orang juruchakap Muzium Brunei berkata, mashuarat tersebut yang julong2 kali pernah di-adakan di-negeri ini akan di-hadhiri oleh orang2 kenamaan dari Malaysia dan Singapura. Mereka itu ia-lah Presiden Persatuan, Tun Mohammad Suffian; Setia Usaha Kehormat, Tan Sri Dato Mubin Sheppard dan Bendahari Kehormat, Dato Abdul Aziz bin Hussein.

### AHLI JAWATANKUASA

Turut juga hadhir termasok-lah ahli2 jawatankuasa tadbir ia-itu Dato Mohammad Hashim, Dato Alwi Jantan dan E. L. S. Jennings — mereka ini memegang jawatan Naib Presiden Persatuan.

Manakala itu, Prof. Sharom Ahmad, Prof. Khoo Kay Kim dan Awg Abdul Hamid bin Haji Mohammad ada-lah ahli2 jawatankuasa persatuan yang juga akan menghadhiri mashuarat itu.

Perasmian itu nanti akan di-selajorkan dengan Preview Pameran "Brunei Dalam Kenangan" yang akan mempamerkan gambar2 dan peta2 perkembangan Negeri Brunei sejak tahun 1850 hingga 1958.

Pameran tersebut, tambah juruchakap itu lagi, akan banyak menyentoh tentang perkembangan Kampong Ayer sekitar sa-kurun yang lalu.



DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin.

## DALAM SA-MINGGU

### Lawat RBA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-rombongan ahli2 Badan Sains Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah membuat lawatan sambil belajar ka-Sharikat Penerbangan Diraja Brunei Jumaat lepas. Rombongan yang di-ketuai oleh Awang Padmanabhan, salah sa-orang guru di-maktab tersebut telah di-berikan kesempatan untok melawat ka-beberapa buah bahagian sharikat tersebut.

### Pemuda di-denda

KUALA BELAIT. — Mahkamah Majistret di-sini Khamis lalu telah mendenda sa-orang pemuda $3,000 sa-telah ia mengaku salah di-atas tuduhan memileki 36 straw heroin pada bulan Januari lalu, di-Seria. Pemuda tersebut, Siew Ping Peng telah membayar denda yang telah di-kenakan kapada-nya itu.

### Sumbangan derma

BANDAR SERI BEGAWAN. — 37 orang pekerja2 Jabatan Kerja Raya yang juga merupakan mangsa2 kebakaran Kampong Sultan Lama awal bulan Februari lepas telah menerima sumbangan kewangan berjumlah $18,723 daripada rakan2 mereka di-Jabatan yang sama pagi Khamis lepas. Sumbangan tersebut di-sampaikan oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Talib bin Derwish.

### Juara b-sepak

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan bolasepak Bahagian Sukatan dan Timbangan, S K telah munchol sa-bagai juara di-dalam pertandingan bolasepak tujoh sa-pasokan yang di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan pada hari Ahad lepas. Mereka telah menerima piala rebutan sumbangan Ketua Pegawai Penerangan, Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman. Enam pasokan telah mengambil bahagian.

### Manis-nya Iman

"SA-ORANG mu'min itu masih akan di-dalam ke-lapangan di-sisi agama-nya (yakni berkesempatan untok di-beri taubat) selagi dia tidak menumpahkan darah sa-chara haram." HADITH Nabi, riwayat Bukhari dari-pada Ibnu 'Umar.



YAM Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof menyampaikan Oskar Kejohanan kapada Awang Hashim bin Haji Hassan.

## SIFAT JUJOR MUSTAHAK KAPADA SA-TIAP ANGGOTA BERUNIFORM

Oleh: JA'AFAR IBRAHIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sifat jujor amatlah mustahak di-mileki dan di-tanamkan di-jiwa sa-tiap anggota pasokan yang beruniform dalam menjalankan tanggong-jawab dan pekerjaan sa-hari2.

Ini sesuai dengan tugas dan peranan mereka dalam menjaga dan mengawal keselamatan, keamanan, kesejahteraan dan ketenteraman raayat serta pendudok2 di-negeri Brunei Darussalam ini.

Demikian di-tegaskan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Haji Mohd. Yusof Ibni Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohd. Alam, Timbalan Yang Dipertua Adat Istiadat Negara ketika bersabda merasmikan peraduan membacha Al-Kor'an antara jabatan2 kerajaan yang beruniform yang telah di-langsongkan di-Ibu Pejabat Pasokan Bomba di-sini pada malam Ahad lepas.

### KETENTERAMAN

"Tugas menjaga dan mengawal keselamatan, ketenteraman, dan kesejahteraan itu bukan-lah satu tugas yang ringan, kerana itu ia-nya memerlukan kejujoran di-samping peratoran2 disiplin yang kuat serta di-kawal pula oleh hukom2 Allah," sabda-nya.

Sa-balek-nya, sabda Yang Amat Mulia, jika sa-kira-nya sifat jujor tidak di-sertakan dalam menunaikan dan menjalankan tanggong-jawab dan pekerjaan itu sudah sa-tentu-nya akan mengakibatkan kerugian2 dan kerosakan2 kapada sa-sebuah jabatan2 itu.

### MAKSIAT

"Perkara2 tersebut dapat di-bayangkan saperti perbuatan2 pechah amanah, melakukan maksiat, mengabaikan tanggong-jawab khas-nya sa-bagai ketua atau orang bawahan yang menerima arahan dan perentah," sabda Yang Amat Mulia sa-lanjut-nya.

Atas kelakuan2 yang tidak jujor sa-demikian itu, sabda Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar mengingatkan ia-nya boleh membawa kebinasaan yang kesan-nya bukan sahaja kapada masharakat malahan juga kapada negara.

Menyentoh dengan thema pertandingan itu, "Jujor dan takwa ada-lah pertolongan utama kapada manusia", Yang Amat Mulia mensifatkan sa-bagai sangat bersesuaian dan sudah kena pada tem-

Lihat muka 22

## Permohonan memileki tanah:

## Hampir 1,600 ekar di-luluskan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-luas hampir sa-ribu enam ratus ekar tanah telah di-luluskan untok di-mileki kapada 481 orang pemohon di-seluroh negeri sa-panjang tahun 1974 hingga 1980.

Majlis Mashuarat Menteri2 telah meluluskan permohonan tersebut dari 744 pemohon di-mana chuma 251 permohonan sahaja di-tolak manakala 12 permohonan lagi maseh di-tanggohkan.

Demikian telah di-nyatakan oleh Awang Haji Muhammad bin Haji Seruddin, Pesurohjaya Tanah ketika memberikan taklimat kapada 30 orang pendudok Mukim Kuala Belait di-Majlis Taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan yang telah di-adakan di-sini baru2 ini.



Awang Haji Muhammad bin Haji Seruddin.

Dari Jumlah yang di-luluskan itu, kata-nya saluas 291.948 ekar telah di-luluskan kapada 89 pemohon di-Daerah Brunei dan Muara; 589.646 ekar bagi 196 pemohon di-Daerah Belait; 694.895 ekar di-Daerah Tutong bagi 195 pemohon dan 4.76 ekar bagi sa-orang pemohon di-Daerah Temburong.

Terdahulu dalam penjelasan-nya di-majlis itu, Awang Haji Muhammad

Lihat muka 22

**Pelita Brunei**
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

27HB MEI, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# IBARAT "KIKEK SAUK-SAUK"

MASAALAH sikap sering saja di-timbulkan sama ada sikap bekerja atau berkhidmat mahu pun menerima sa-suatu termasok penerimaan yang berbentok pendidekan. Semua itu di-rangkumkan sabagai sikap berbangsa, berugama, (termasok bermasharakat) dan bernegara. Dalam kesemua sikap yang di-perlukan ia-lah anjoran2 mengenai dengan sikap positif terhadap sa-suatu yang di-yakini penoh sa-bagai dapat menimbulkan kesejahteraan dengan nekmat hidup yang lebeh memberi ma'ana terhadap kehidupan.

Minggu lalu, perhatian kita di-gamit oleh saranan tentang "pegawai2 pukol empat dan pegawai2 fail" yang juga merupakan satu sikap yang di-anggap kurang memberi ma'ana dalam usaha memajukan berbagai perkembangan sa-bagai mana yang di-da'awa oleh Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim.

Minggu ini pula kita di-gamit oleh saranan mengenai dengan sikap ibarat "kikek sauk-sauk" yang di-kaitkan dengan sikap dalam mendengar sa-suatu cheramah, uchapan dan sharahan atau pun taklimat. Yang menimbulkan perkara ini ia-lah Pegawai Ugama Kanan, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned. Beliau menujukan saranan ini kapada pendengar2 atau orang2 yang hadhir dalam satu2 majlis yang di-adakan, terutama-nya majlis2 ugama. Menurut-nya, mendengar saja tidak chukop, tetapi hendak-lah membuat apa yang di-suroh dan di-jauhi apa yang di-larang. Sikap ini baru-lah erti-nya mematohi anjoran ugama, dan bukan-lah kepala hanya menganggok-anggok ketika di-dalam majlis, tetapi di-luar sudah lupa. Ini, sama-lah dengan sifat "Kikek sauk-sauk, taranah sa-bentar sa-telah di-lantor, kemudian tidak lama, sauk-sauk kembali."

Sifat yang di-sebutkan di-atas itu yang ada antara-nya menjadi sikap sa-tengah2 dari kita, bukan saja sa-takat mengenai dengan hal ehwal keugamaan, malah juga berakar umbi dalam hal2 yang lain, sawajar-nya tidak akan menjadi amalan terus-menerus, kerana gejala2 kemundoran atau keruntohan akan punya kesempatan2 mengambil tempat lalu merosakkan keharmonian yang di-nekmati sa-lama ini.

## PERKARA ANGGOK

Anggok ada-lah perbuatan yang mudah di-lakukan, tetapi fungsi anggok ada-lah pernyata pengakuan, persetujuan, memahami, dan lebeh besar dari itu ia-lah tanda menta'ati, kechuali ia-nya di-lakukan dengan kepura-puraan dan hanya untok menyenangkan hati. Dan ini, sama-lah dengan "anggok di-luar, giling di-dalam." Tabi'at begini ada-lah membahayakan terutama terhadap sa-suatu yang memerlukan perkembangan dan kemajuan-nya dengan tepat. Perkara yang sa-umpama ini ada-lah menjadi penghalang yang sukar untok di-atasi, kerana sikap begini-lah yang menjadikan sa-suatu langkah itu tidak sa-iring, tidak sa-ia, tidak sa-kata yang menyebabkan keadaan tergantong2 tidak bertali.

Kerana itu, hal2 yang sa-umpama ini, mustahak-lah kita sedari agar sikap yang demikian itu tidak akan menular dan menjadi puncha kerosakan dan kemundoran. Kita tidak akan dapat membantu kemajuan2 yang di-harapkan jika sikap "anggok di-luar, giling di-dalam" itu menjadi tabi'at, dan demikian juga dengan perkataan: "malas tah-ku 'kan ingau" yang boleh saja mematikan semangat kita untok maju dalam bidang2 yang kita inginkan. Maka itu ada-lah wajar bagi kita menilai semula terhadap sifat2 yang negatif saperti itu dan di-sesuaikan dengan nilai bangsa kita yang sudah memahat nama yang baik itu.

# TANPA DURONGAN DAN KAWALAN APA KERJA-PUN TIDAK BERJALAN LANCHAR

*Dari uchapan Timbalan Pengetua Pegawai Hal* ***Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim*** *di-Majlis Peraduan Membacha Kor'an bagi* ***Jabatan Imigeresen dan*** *Pendaftaran Kebangsaan Bandar Seri Begawan, Brunei pada 10hb Mei, 1981.*



SEJAK beberapa tahun ini, dan dalam beberapa kali saya turut menyaksikan dan mendengar bachaan2 dalam peraduan saperti ini di-antara pegawai2 yang beruniform saya sendiri mendapati dan mengukor bahawa beberapa kemajuan telah di-chapai dalam segi pembachaan Qari2 yang berkenaan. Mudah2an mutu pembachaan akan tetap di-pertinggi dari semasa ka-semasa.

**"Pegawai pukul 4 atau Pegawai fail ada-lah yang tidak mahu sirit dan tidak berinisiatif."**

Pada umom-nya galakan2 saperti hadiah2, sama ada dari pehak Kerajaan atau lain2, kerjasama antara jabatan2 dan dorongan dari pegawai2 atasan dalam jabatan2 itu ada-lah puncha utama kemajuan dapat di-chapai dalam peraduan2 ini, atau pun dalam apa2 jua bidang dalam pekerjaan sehari2, terutama yang berhubong dengan tugas beberapa pegawai Kerajaan. Tanpa ada-nya kerjasama yang rapat antara sa-orang pegawai dengan sa-orang yang lain, sama ada pada memberi dan menerima arahan dan tanpa dorongan dan pengawalan dari pegawai2 baik yang tinggi atau pun pegawai biasa sudah tentu apa jua kerja tidak akan berjalan lanchar. Dalam hal ini pegawai2 yang saya istilahkan "Pegawai pukul 4" atau "Pegawai fail" tidak akan mendatangkan kemajuan lebeh dari apa yang ada, kerana mereka ini biasanya tidak mahu sirit dan berat buku dan tidak ada inisiatif di-luar kerja atau fail-nya.

## "KERJA LEBEH"

Dalam masa negeri kita membangun yang mana dalam istilah dunia industri, negeri kita ada-lah salah sa-buah negeri industri yang maju di-Asia, kita memerlukan pegawai2 dan orang2 yang bertenaga dan mahu memberikan tenaga-nya lebeh dari apa yang wajib semata2 kerana ingin melihat negeri-nya maju, di-kenali orang lain dan di-hormati di-mana2 walau pun hasil tenaga-nya itu tidak perlu di-perhitongkan. Semangat "kerja lebeh" ini-lah yang sa-benar-nya perlu di-hidupkan di-mana2 supaya kita biasa dengan sifat suka memambil daya usaha, inisiatif dan tidak hanya jadi tukang arah atau penonton.

Sifat demikian ini di-galakkan dan di-asoh oleh ugama Islam dengan berbagai2 chara dan berbagai2 ganjaran. Umpamanya sembahyang, kewajipan yang perlu ia-lah lima kali sa-hari sa-banyak 17 rakaat yang memakan masa kira2 satu jam sahaja, semua-nya di-bahagikan kapada jangka waktu yang berlainan menurut keperluan manusia itu sendiri. Ini-lah masa wajib. Di-samping sembahyang wajib ada di-arahkan sembahyang sukarela bermacham2. Tetapi bagi orang2 Islam yang bersifat sa-bagai "pegawai pukul 4" yang tidak punya inisiatif untok bekerja lebeh ini-lah sahaja yang di-dapati-nya, malahan jika kerja itu bergantong kapada "mood" banyak masa di-buang untok minum, ka-pasar, runding busines maka demikian-lah juga dengan sembahyang kadang2 masa 5 waktu itu tidak penoh. Bagi orang yang rajin, dia mengerjakan sembahayang sukarela yang banyak macham-nya dan banyak pula ganjaran-nya dari Allah Subhanahu Wata'ala.

## FARDHU 'AIN

Dalam hubongan peraduan membacha Kor'an ini sa-bagai chontoh kedua sa-benar-nya belajar membacha Kor'an itu ada-lah fardhu 'Ain kapada satiap orang Islam kalau tidak pandai mengaji tidak pandai membacha Surah Al-Fatihah, sudah tentu tidak akan dapat sembahyang. Ada banyak orang yang hanya tahu membacha Fatihah, Qulhu-Allah, Qul Au'zu, kerana ini-lah sa-habis2 mudah untok di-bacha dalam sembahyang.

Tetapi bagi orang yang ingin mendapat balasan pahala dari Allah saperti umpama mereka juga dapat bayaran overtime, dapat mileage, dengan sa-chara jujor, maka ia akan berusaha lebeh dari itu, kerana Allah Ta'ala menggalakkan kita membacha Kor'an, memahami ma'ana Al-Kor'an, menjalankan arahan2 Al-Kor'an, dengan sebab Allah menurunkan Al-Kor-an itu kapada kita untok kegunaan kita dalam kehidupan, maka gunakan-lah dia dengan sepenoh-nya, baik untok dapat pahala atau untok yang lain2.

## CHERAMAH

Saya teringat waktu saya memberi cheramah mengenai kemuliaan Al-Kor'an di-Talivishen tidak lama dulu, ramai orang minta kapada saya ayat2 dan bachaan yang saya sebutkan dalam cheramah saya itu untok di-amalkan kerana guna-nya demikian pahala-nya sekian. Pada hal sa-belum-nya mereka ini tidak peduiikan apa2 yang di-sebutkan orang2 lain2 mengenai Al-Kor'an. Demikian-lah orang "tak kenal maka tidak-lah chinta". Hanya sesudah di-rantangkan dan di-beritahu sekian banyak sekian ribu baru-lah berebut2 menchari2 "apa yang banyak" "beberapa ribu" itu.

Sunggoh pun saya merasa gembira bahawa cheramah saya itu mendapat sambutan, tetapi dalam pada itu saya turut bersedeh kerana nampak-nya pahala dan kebajikan yang di-korniakan oleh Allah itu, pada masa ini, dengan sebab kuat-nya pengaroh harta benda, telah di-sukat dan di-nilai saperti menilai harta benda dan kekayaan dunia. Chara ini tidak betul dan ia akan menimbulkan sifat memileh isi Al-Kor'an mana yang di-fikirkan kurang pahala di-tolak, pada hal pahala dan kebajikan Allah itu tidak boleh di-kira saperti itu. Firman Allah ya[ng] bermaksud:—

*"Dan apa2 yang di-da[ta]ngkan kapada kamu [da]ri sesuatu itu ia-lah kes[u]kaan kehidupan dunia da[n] perhiasan-nya (saja) s[e]dangkan apa yang ada d[i] sisi Allah itu lebeh b[aik] dan kekal, tidak-kah [ka]mu berfikir?"*

Sifat2 ini-lah yang selalu menjatohkan [ba]nyak orang dalam ke[per]chayaan sesat dari aqidah dan iman. Pa[da] masa sekarang banya[k] orang memperniaga[kan] ilmu sihir dan ilmu s[...] yang salah dengan me[m]pergunakan ayat2 Kor'a[n] atau zikir dan do'a ya[ng] konon-nya akan menja[di]kan pengikut2-nya bo[leh] terbang, boleh pergi [ke] Mekkah, dalam sek[elip] mata, boleh ghaib, bo[leh] melihat Allah dan sa-[ba]gai-nya.

Tetapi oleh kerana [...] lah ambil, maka akhir-[...] bukan sahaja tidak bo[leh] terbang bahkan di-pang[gil] orang "sesat."

Oleh sebab itu guna[kan] dan bacha-lah Al-Kor[']an sa-mata2 kerana Allah [le]beh utama daripada [...] mata2 menchari fae[dah] yang di-kira mengi[kut] ukoran dunia.

## GALAKAN

Walau bagaimana pun [...] bagai galakan saya suka [...] nyebutkan kegunaan 10 S[urah] dalam Al-Kor'an sa-bagai [...] na di-sebutkan oleh Al-Im[am] Jalaluddin As-Sayuti:—

1 — Surah Al-Fatihah [...] nahan kemurkaan [Al]lah.

2 — Surah Yassin men[...] dahaga hari Qiam[at].

3 — Surah Al-Dukhan [...] rah ke-44 dalam [...] 25) menahan ke[...] an hari Qiamat.

4 — Surab Al-Waqiah [...] nahan kemiskinan [...] kerugian (Surah [...] juz 27).

5 — Surah Al-Nulk me[na]han Azab Kubor.

6 — Surah Al-Kauthar [...] nahan anchaman [...] soh.

7 — Surah Al-Kafirun [...] nahan sifat kufur p[...] masa raza'.

8 — Surah Al-Ikhlas me[na]han nifaq.

9 — Surah Al-Falaq me[na]han dengki dari or[ang] lain.

10 — Surah An-Nas me[na]han waswas.

Sekian-lah uchapan [...] sekali lagi saya meny[...] kan terima kaseh dan [pen]hargaan

# LAWATAN MUHIBBAH DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA



MENTERI Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Pengiran Abd Momin ketika mera'ikan rombongan tersebut. Nombor 2 dari kiri ia-lah Y.B. Senator Kammarul Ariffin.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-rombongan 22 orang ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia yang di-ketuai oleh Yang Dipertua Dewan, Yang Berhormat Senator Kammarul Ariffin telah mengadakan lawatan muhibbah sa-lama tiga hari ka-negeri ini. Rombongan itu telah berlepas pulang ka-Semenanjong Malaysia pada hari Jumaat lepas.

Sa-masa berada di-negeri ini, mereka telah menjadi tetamu kapada Dewan Perniagaan Melayu Brunei.

Di-hari pertama mereka berada di-sini, rombongan tersebut telah membuat kunjongan kehormatan kapada Menteri Besar, Yang Amat Berhormat, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin dan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bertempat di-Dewan Kuliah Peringatan Churchill di-ibu negeri.

### RAMAH MESRA

Sa-belah malam-nya rombongan itu telah menghadhiri majlis ramah mesra dan makan malam yang di-berikan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, sa-laku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei di-Pusat Belia.

Rombongan tersebut telah meneruskan lawatan-nya pada hari Khamis lepas, ka-Padang Sharikat Minyak Shell di-Seria. Dalam lawatan itu mereka telah di-beri taklimat rengkas mengenai berbagai-bagai aspek perkembangan dan kemajuan Shell. Taklimat tersebut telah di-sampaikan oleh Pegawai Perhubongan Awam Shell, Dayang Siti Radiah binte Haji Mohd Yusof.

Pada petang-nya, rombongan itu telah mengadakan lawatan ka-Pejabat Yunit Peranchang Ekonomi, di-sini.

Sa-belum meninggalkan negeri ini pada hari Jumaat lepas, rombongan tersebut telah sempat membuat lawatan ka-Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan dan Muzium Brunei.

Menurut Yang Di-pertua Dewan, Yang Berhormat Senator Kammarul Ariffin, bahawa kunjongan mereka ka-negeri ini merupakan lawatan ulong yang di-lakukan oleh dewan berkenaan.

Tambah-nya, ia-nya juga merupakan lawatan balas bagi Dewan Perniagaan Melayu Brunei yang

Lihat muka 6



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia berbual mesra dengan sa-bahagian dari ahli rombongan tersebut.

# DBP ANJOR PERADUAN MEMBACHA JAWI

BANDAR SERI BEGAWAN.—Perpustakaan Kanak-kanak, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei akan menganjorkan peraduan membacha jawi. Peraduan ini ada-lah terbuka kapada semua kanak-kanak yang berumor 12 tahun ka-bawah.

Kanak-kanak yang ingin menyertai peraduan ini mesti-lah warga negara Brunei yang berumor 7-11 tahun dan akan di-bahagikan kapada dua bahagian. Bahagian 'A' ada-lah terdiri dari kanak-kanak yang berumor antara 7 hingga 8 tahun, dan bahagian 'B' pula ada-lah kanak-kanak yang berumor 9 hingga 11 tahun.

### TUJUAN

Peraduan ini di-adakan bertujuan untok memperkenalkan kapada kanak-kanak buku2 yang boleh meninggikan daya imigi-nasi dan mutu bachaan yang baik. Di-samping untok menggalakkan minat membacha di-kalangan mereka, juga untok menambah pengetahuan dalam kaedah membacha dan mengenali bentok2 tulisan jawi.

Peraduan ini akan di-adakan dalam dua perengkat ia-itu perengkat awal dan perengkat akhir. Bagi perengkat awal akan di-adakan di-semua daerah ia-itu untok peserta2 Daerah Temburong akan di-adakan di-Perpustakaan DBP Chawangan Temburong pada hari Isnin 6hb Julai, 1981. Bagi peserta2 Daerah Brunei dan Muara akan di-adakan di-Dewan Kuliah DBP, Brunei pada Selasa 7hb Julai, 1981.

Daerah Tutong akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Tutong pada hari Khamis 9hb Julai, 1981. Dan bagi Daerah Belait pula akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait atau di-Perpustakaan DBP Chawangan Seria. Semua peraduan akan di-mulakan pada pukol 9.00 pagi.

Manakala bagi perengkat akhir atau negeri akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan.

### TARIKH TUTOP

Tarikh tutop untok menerima borang penyertaan ia-lah pada 27hb Jun 1981 bukan-nya 8hb Jun sabagaimana yang di-siarkan dalam keluaran Pelita diminggu lalu. Borang2 masok peraduan itu juga hendak-lah di-sertakan dengan salinan (photostet) surat beranak dan di-hantar kapada Perpustakaan DBP Chawangan Belait, Seria Tutong, Temburong dan bagi Daerah Brunei dan Muara hendak-lah di-hantar terus kapada Perpustakaan Pusat Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.

## Derma untok orang2 chachat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tabong Derma bagi Orang2 Chachat, baru2 ini telah menerima derma yang berupa wang tunai sa-banyak $250.00, sumbangan dari ahli2 Kelab F & M (Friendly and Mosey), Pusat Tingkatan Enam di-Gadong.

### SUMBANGAN

Derma tersebut telah di-sampaikan kapada Ketua Pegawai Kebajikan, Datin Hajjah Zaharah di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, oleh Setiausaha kelab tersebut, Dy Kamariah bte Abd Hamid.

Ia-nya di-sumbangkan bagi memperingati Tahun Antarabangsa Bagi Orang2 Chachat di-Brunei. Sa-lain dari itu, sumbangan kewangan yang sa-demikian ada-lah merupakan projek tahunan bagi kelab tersebut.



SETIAUSAHA Kelab F & M, Dayang Kamariah Abdul Hamid sedang menyampaikan derma tersebut kapada Ketua Pegawai Kebajikan, Datin Hajjah Zaharah di-Pejabat-nya.

## Bekas penuntut2 SOAS tinjau PLPS

SINAUT. — Sa-rombongan ahli2 Persatuan Bekas Penuntut2 Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-Pusat Latehan Pertanian Sinaut di-sini pada hari Ahad 17hb Mei yang lalu.

Rombongan tersebut telah di-ketuai oleh Awang Dahri bin Haji Muntol, Timbalan Setiausaha persatuan itu dan ketibaan mereka di-pusat itu telah di-alu2kan oleh Pengetua pusat berkenaan Awang Shahri bin Haji Awang Besar.

Sa-belum di-bawa melawat ka-beberapa bahagian pusat itu, rombongan pelawat2 itu terlebeh dahulu di-berikan taklimat mengenai dengan perkembangan, perjalanan serta kemajuan PLPS sejak ia-nya di-tubohkan pada tahun 1977.

Sa-telah di-berikan tak limat, pelawat2 itu di-bawa melawat ka-sekitar pusat tersebut. Antara yang mereka lawati termasok-lah tempat menternak sapi, dan kemudian mereka di-bawa melawat pula ka-bahagian ternakan ayam dan kambing, ka-kebun2 lada sulah, kopi, sayor2an serta tanam2an.



KELIHATAN, Pengetua PLPS, Awang Shahri bin Haji Awang Besar menerangkan berkenaan dengan perkembangan pusat itu kapada para2 pelawat.

## Mashuarat agong

TUTONG. — Sharikat Kerjasama Kampong Keriam akan mengadakan mashuarat agongnya kali yang kelima pada hari Ahad, 1hb Jun, 1981, bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Keriam di-sini mulai jam 8.30 pagi.

Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Mahmud bin Haji Bakyr di-jangka akan merasmikan mashuarat tersebut.

# TUNJOKKAN TAULADAN BAIK UTK DI-CHONTOHI MURID2

Oleh: Aisah Piee, Zubaidah dan Asimah

BANGAR. — Guru2 di-ingatkan supaya tidak mengambil sikap 'lepas tangan' dalam tanggong-jawab membentok dan mengawal disiplin, dan di-harapkan supaya mereka itu sentiasa menunjokkan tauladan yang baik untok di-chontohi oleh murid2.

Ingatan tersebut di-buat oleh Penyusun Latehan Kesenian, Awg Zainie bin Abd Hamid, selaku wakil Jabatan Pelajaran Brunei, sa-masa merasmikan Pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan kali ke-16 bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan Sekolah Persediaan Inggeris di-Daerah Temburong, Sabtu lepas.

## PERATORAN

Menurut-nya, anggapan serupa ini ada-lah amat merbahaya dan merugikan, kerana peratoran sekolah tidak akan dapat dilaksanakan dengan sapenoh-nya jika sa-orang atau hanya beberapa orang guru sahaja yang memikul tanggong-jawab ini.

Menyentoh mengenai disiplin, Awang Zainie menegaskan bahawa pelajaran bukan sahaja bertujuan sa-mata2 untok lulus di-dalam pepereksaan atau memberi kanak2 pandai menulis, membacha dan mengira, bahkan juga bertujuan bagi membentok kanak2 berbudi bahasa, berbudi pekerti yang mulia serta berdisiplin.

Untok menchapai matalamat tersebut, guru2 besar ada-lah di-gesa untok memainkan peranannya dalam membaiki sikap guru2 yang kurang memberi sokongan dalam membentok persekitaran pendidekan yang baik di-sekolah.

## KEBUDAYAAN

Selaku Penyusun Latehan Kesenian dan dalam memperkatakan tentang pelajaran Art dan Muzik, beliau menjelaskan bahawa tujuan memperkenalkan muzik, lagu dan tarian kapada murid2 ada-lah untok mendedahkan mereka kapada unsor2 Kebudayaan Brunei dan Kebudayaan Kebangsaan disamping memupok perasaan seni.

"Tarian2 Brunei Asli patut-lah mengambil peranan penting di-pesta2 kebudayaan orang2 kitani Brunei," tambah-nya lagi.

Beruchap lebeh lanjut di-majlis yang berlangsong pada hari itu di-Dewan Sekolah Melayu Selangan, Awang Zainie juga telah mendedahkan betapa pentingnya kegiatan ko-kurikulum di-semua perengkat persekolahan, yang antaranya ada-lah untok menyemai, memopok dan menanam perasaan kekaitan atau 'Espirit De Corps' di-kalangan murid2 berbagai keturunan yang mempunyai latar belakang dengan chara hidup yang berlainan.

## MELATEH

Menurut beliau, ini juga bertujuan bagi melateh murid2 supaya bersikap bertanggong-jawab, disamping melateh mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai.

Awang Zainie menambah kata bahawa keputusan pepereksaan dalam mata-pelajaran Lukisan diperengkat rendah dan menengah di-tahun2 kebelakangan ini, ada-lah menggalakkan dan beliau berharap supaya guru2 lukisan akan dapat melipatgandakan supervision dan inspection kapada murid2.

"Supervision dan inspection," kata-nya lagi, "ada-lah sangat penting demi untok meninggikan taraf pelajaran di-negeri ini. Kekurangan supervision dan inspection, maka merosot-lah dan jatoh-lah mata-pelajaran di-sasebuah sekolah itu," jelas beliau.



GAMBAR atas wakil dari Jabatan Pelajaran Brunei, Awg Zainie Abdul Hamid ketika beruchap merasmikan pertandingan tersebut.

BAWAH: Awang Ibrahim Abdullah menyampaikan oskar rebutan kapada wakil sekolah SPI Bangar yang menjadi johan bahagian SPI.

# SPI TANJONG MAYA, SM. SINAUT JOHAN TUTONG I

KAMPONG BIRAU. — Sa-banyak 22 buah Sekolah Rendah Melayu dan Persediaan Inggeris kerajaan bagi kawasan Tutong I telah mengambil bahagian dalam Peraduan Seni-lukis dan Pertukangan-tangan kali ke-16 bertempat di-Sekolah Melayu Birau pada hari Ahad lepas.

Ahli Majlis Mashuarat Negeri, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking telah merasmikan peraduan tersebut. Turut juga memberikan uchapan alu2an-nya ia-lah guru besar sekolah tersebut, Awg Abdul Latif bin Talib.

Yang Berhormat itu dalam uchapan-nya telah menggesa semua lapisan masharakat di-negeri ini supaya melengkap dan menyiapkan diri dari sekarang bukan 'berpelok tuboh' menanti hari kemerdekaan.

## TENAGA

Kita sa-bagai raayat dan pendudok negeri ini, tambah-nya, ada-lah tenaga yang bertanggong-jawab untok mengisi kemerdekaan itu nanti.

Dalam peraduan tersebut, bahagian Sekolah Persediaan Inggeris, menjadi johan ia-lah SPI Tanjong Maya, naib johan SPI Keriam dan tempat ketiga ia-lah SPI Sengkarai.

Sementara bahagian Sekolah2 Rendah Melayu, johan ia-lah Sekolah Melayu Sinaut, naib johan Sekolah Melayu Birau dan tempat ketiga ia-lah Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota, Kuala Tutong.

Lebeh 700 buah hasil lukisan dan 150 buah hasil pertukangan-tangan telah di-pamerkan pada hari itu. Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Ketua Kampong Birau Awang Haji Ratu bin Ismail.





INI sa-bahagian hasil2 kerja-tangan murid2 yang di-pamerkan pada hari tersebut (atas).
KELIHATAN Awang Zainie menunjokkan chara2 mewarnakan kapada sa-orang murid lelaki di-sekolah itu (bawah).



# *Pameran Lukisan dan Pertukangan-tangan Daerah Temburong*

BANGAR. — Pameran Seni-lukis dan pertukangan-tangan kali ka-16 bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan Sekolah Persediaan Inggeris Daerah Temburong, telah berlangsong pada hari Sabtu lalu, 23hb. Mei, bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Selangan di-Daerah Temburong.

## BERUCHAP

Pameran pada hari itu telah di-rasmikan oleh Penyusun Latehan Kesenian, Awg. Zainie bin Abd. Hamid, selaku wakil Jabatan Pelajaran Brunei. Juga beruchap di-majlis itu ia-lah Pengerusi Pameran bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan Sekolah Persediaan Inggeris Daerah Temburong, Awang Md. Serudin bin Hj. Nasir, Guru Besar Sekolah Melayu Selangan.

Sa-banyak 612 keping lukisan, termasok jenis archa dan sa-umpamanya, hasil dari kerja-tangan murid2 dari 14 buah Sekolah Rendah Melayu dan tiga buah Sekolah Persediaan Inggeris di-daerah tersebut, telah di-pamerkan.

Turut di-pamerkan ia-lah beberapa lukisan guru2, ia-itu yang merupakan satu perubahan baru dalam pameran serupa itu, yang tujuan besar-nya bagi memperlihatkan kapada murid2 sa-chara dekat lukisan yang baik dan bernilai, serta untok memupok semangat murid2 menjadi sa-orang pelukis di-masa2 yang akan datang.

## PEMENANG

Pemenang pertama dalam bahagian Sekolah Rendah Melayu ia-lah Sekolah Melayu Selangan, kedua, Sekolah Melayu Negalang, manakala tempat ketiga jatoh kapada Sekolah Melayu Semabat.

Sementara, Sekolah Persediaan Inggeris Pekan Bangar telah menjadi johan dalam bahagian sekolah2 Persediaan Inggeris, tempat kedua di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Bokok, dan tempat ketiga jatoh kapada Sekolah Persediaan Inggeris Puni. Hadiah2 rebutan telah di-sampaikan oleh Pemangku Penyelia Sekolah2 Daerah Temburong, Awang Ibrahim bin Abdullah.

## PERSEMBAHAN

Hadhir di-majlis perasmian pada pagi itu ia-lah pegawai2 dari Jabatan Pelajaran Brunei, guru2 sekolah Daerah Temburong dan ibu-bapa2.

Majlis pada hari itu telah di-serikan dengan persembahan seruling oleh sa-ramai 31 orang murid Sekolah Melayu Selangan yang menyanyikan tiga rangkaian lagu, Anak Ikan, Burong Kakak Tua dan Lenggang Kangkong.

Majlis telah di-akhiri dengan bachaan doa selamat oleh Imam Masjid Kampong Selangan, Haji Abdul Kadir bin PDPD Haji Abd. Rahim.

## Kemasokan orang asing sa-chara haram:

# *KERJASAMA ORANG RAMAI DI-KEHENDAKI*

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kerjasama orang ramai kapada pehak Imigeresen dalam mengawal orang2 asing yang datang ka-negeri ini dengan sa-chara haram ada-lah sangat2 di-kehendaki.

Peranan yang di-mainkan orang ramai dalam hal ini jika sekira-nya ada orang2 asing yang datang ka-kampong masing2 ia-lah dengan melaporkan kapada pehak yang berkuasa untok di-siasat pada menentukan kedudokan2 mereka yang sa-benar.



**Dato Paduka Abidin bin Abdul Rashid**

Demikian di-ingatkan oleh Pengawal Imigeresen dan Pendaftar Taraf Kebangsaan, Dato Paduka Abidin bin Abd Rashid ketika memberikan taklimat kapada 30 orang pendudok Mukim Belait di-Majlis Taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan di-sini pada hari Khamis lalu.

### KERJASAMA

Tambah-nya, kerjasama demikian di-perlukan di-sebabkan yang negeri kita mempunyai sempadan yang luas dan lebar ia-itu dari Tanjong Pelumpong ka-Sungai Tujoh dan dari Kampong Piasau2 di-Daerah Temburong ka-Ulu Belait di-Bukit Teraja yang sentiasa terbuka untok orang2 yang berniat masok ka-negeri ini sa-chara haram tanpa mempunyai dokumen2 yang sah saperti pasport.

Dan untok tujuan mengawal orang2 asing masok ka-negeri ini, kata Dato Paduka Abidin, kerajaan melalui Jabatan Imigeresen telah menubohkan beberapa pusat kawalan di-seluroh negeri sa-jumlah tujoh buah pusat yang memainkan peranan penting dalam mengawal pendatang2 haram.

Pusat2 kawalan tersebut, kata Dato Paduka Abidin, terdiri tiga di-Daerah Belait — pertama di-sempadan Sarawak/Brunei di-Sungai Tujoh, di-Dermaga Kuala Belait dan Lapangan Terbang Anduki.

Sementara di-Daerah Brunei/Muara pula tempat kawalan ia-lah di-Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, di-Dermaga Kastam Diraja BSB dan di-Pelabohan Muara dan Daerah Temburong bertempat di-Kampong Puni.

### HUBONGAN

Sementara di-Daerah Tutong pusat kawalan ini di-tiadakan, kerana daerah tersebut tidak mempunyai perhubongan sa-chara langsong dengan negeri2 luar, walau bagaimanapun kata-nya, untok kesenangan dan kemudahan pendudok2 di-daerah itu sa-buah chawangan Jabatan Imigeresen di-adakan.

Pengawal Imigeresen itu juga mengharapkan kapada para majikan di-negeri ini supaya akan sentiasa menimbangkan dan meneliti sa-halus2-nya orang2 yang hendak bekerja dengan mereka samaada mereka yang hendak bekerja itu mempunyai dokumen2 yang sah atau sa-balek-nya.

"Dan apa yang di-harapkan kita sa-bagai raa-

Lihat muka 6

# PENYERTAAN KA-SIDANG MENLU ASEAN KUKOHKAN KEDUDOKAN BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan penyertaan Negeri Brunei ka-Persidangan Menteri2 Luar Asean di-Manila dan ka-pertandingan bolasepak Sekolah2 Asia yang berlangsong di-Jakarta bulan depan akan lebeh mengukohkan lagi kedudokan negeri kita di-kalangan negeri2 di-rantau ini ia-itu bagi memupok kerjasama dan persefahaman bagi faedah2 keamanan dan kesejahteraan bersama.

Demikian di-jelaskan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman ketika memberikan taklimat kapada 30 orang pendudok2 Mukim Belait yang menyertai majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini pada hari Khamis 21hb Mei yang lalu.

"Dan tidak shak lagi kedua2-nya itu merupakan sa-bahagian daripada langkah2 persediaan dan membiasakan diri dalam kita bergerak ka-arah mengambil aleh semula sa-chara penoh tanggong-jawab antarabangsa sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka," ujar-nya.



**Bergambar ramai sa-bagai kenang-kenangan.**

### SEMANGAT

Dengan perkembangan2 saperti itu, Ketua Pegawai Penerangan menyeru agar raayat dan pendudok negeri ini akan tambah bersemangat pada menempoh kemerdekaan di-mana pada perengkat sekarang negeri kita semakin mendapat perhatian antarabangsa.

Dan ini, kata-nya, ada-lah berkat pimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta Kerajaan Baginda pada menentukan arah dan hala negeri kita dalam menempatkan kedudokan-nya yang layak di-perengkat antarabangsa.

Di-samping itu, tambah-nya, kita hendak-lah sentiasa meningkatkan kesedaran pada perkembangan2 yang sedang berlaku dan akan terus berlaku menjelang kemerdakaan itu.

### PERANAN

Penyesuaian tersebut, kata-nya lagi, ia-lah lebeh merupakan penyesuaian sikap dengan semakin bertambah-nya tanggong-jawab dan peranan yang akan kita ambil sesuai dengan pengambilan aleh semula, sa-chara penoh, tanggong-jawab antarabangsa sa-bagai sa-buah negeri yang berdaulat lagi merdeka pada penghujong tahun 1983.

Turut di-undang untok memberikan cheramah pada hari itu ia-lah Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idris ibni Almarhum Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad; Dato Paduka Abidin bin Abd Rashid, Pengawal Imigeresen dan Pendaftar Taraf Kebangsaan, Awang Muhammad bin Haji Seruddin, Pesurohjaya Tanah serta Awg Haji Othman bin Haji Yaakob, Timbalan Pengarah Perpindahan.

Pehak Pelita Brunei sempat bertemu ramah dengan beberapa orang peserta pada hari itu.

"Kami telah di-berikan penerangan dengan begitu jelas mengenai dengan peranan2 serta perkembangan2 yang di-laksanakan oleh Kerajaan melalui jabatan2 yang berkenaan di-majlis taklimat tersebut, dan majlis ini, saya

Lihat muka 6

## Ranchangan Perpindahan di-Daerah Belait:

# TIGA KAWASAN DI-PILEH

Oleh : JA'AFAR IBRAHIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Perpindahan telah meluluskan tiga kawasan di-Daerah Belait untok di-jadikan kawasan2 perpindahan bagi pendudok2 di-daerah tersebut.

Kawasan2 yang terlibat ada-lah Kampong Pandan sa-luas 710 ekar yang akan dapat menampong 1,530 plot; kawasan K22 dan K23 Lorong Tengah Seria sa-luas 890 ekar yang di-jangka akan dapat menampong 1,650 plot dan di-Kampong Sungai Liang sa-luas 700 ekar yang boleh menampong 1,300 plot.

Menjelaskan demikian kapada 30 orang pendudok Mukim Belait yang menyertai Majlis Taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini pada hari Khamis lalu, Awang Haji Othman bin Haji Yaakob, Timbalan Pengarah Perpindahan seterus-nya memberitahu bahawa pemilehan2 kawasan perpindahan di-Daerah Belait itu telah di-luluskan oleh kerajaan pada awal tahun 1979 lalu.

Menurut-nya, pada tahun 1976 peserta2 yang ingin menyertai ranchangan perpindahan di-Daerah Belait berjumlah 4,997 orang, ia-itu pegawai2 kerajaan sa-jumlah 1,569 orang, orang2 awam sa-jumlah 1,106 dan pendudok2 tetap sa-jumlah 2,322 orang.

### PENEMPATAN

Memandangkan kajian tersebut, katanya, maka masaalah penempatan bagi Daerah Belait tidak-lah merumitkan, di-mana Jabatan Perpindahan telah pun mengeluarkan borang2 permohonan perengkat pertama bagi pegawai kerajaan Bahagian III, IV dan V pada tahun 1980 yang berjumlah sabanyak 985 permohonan telah di-luluskan.

Sementara borang2 permohonan bagi perengkat kedua dan ketiga, tambah-nya lagi, telah juga di-sediakan dan akan di-keluarkan apabila sharat2 dan dasar2-nya di-luluskan oleh kerajaan nanti.

Ranchangan Perpindahan Kerajaan ini, jelas Awang Haji Othman ada-lah bertujuan untok meng-Darussalam, mengwujud-wujudkan ketinggian kedaulatan Diraja serta kebanggaan Negeri Brunei Darussalam, mengwujudkan taraf ketinggian hidup raayat, mengwujudkan ketinggian keselesaan, kebahagiaan, kesejahteraan dan kemakmoraan serta juga mengwujudkan kemantapan keamanan dan ketenteraman negara.

### RANCHANGAN

Terdahulu dalam taklimat-nya, Timbalan Pengarah Perpindahan itu seterus-nya menjelaskan bahawa ranchangan perpindahan bukan-lah merupakan satu perkara yang baru, kerana negeri kita telah pun banyak mengusahakan ranchangan2 perpindahan saperti ranchangan perpindahan di-Kampong Jaya Setia dan Jaya Bakti Berakas yang di-usahakan oleh Jabatan Perpindahan.

"Dan beberapa ranchangan perpindahan yang lain-nya saperti ranchangan perpindahan Kampong Delima Satu, Delima Dua, Anggerek Desa dan lain2-nya di-kawasan Jalan Muara dalam tahun 1953-54 yang di-usahakan oleh Jabatan Penolong British Resident ketika itu dan Jabatan Daerah (District Office). J.I.

# Pembenaan jalan2 kechil akan di-teruskan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Kerja2 pembenaan jalan kechil dari Kuala Balai hingga ka-Bukit Sawat akan di-teruskan di-mana peruntokkan yang di-berikan oleh kerajaan pada tahun ini ada-lah semakin bertambah daripada tahun2 yang sudah.

### JENTERA

Jabatan Kerja Raya akan mengendalikan kerja2 pembenaan jalan kechil tersebut ini, kerana Jabatan Daerah Kuala Belait tidak berupaya untok mengendalikan kerja2 tersebut di-sebabkan jabatan itu tidak mempunyai kelengkapan2 atau kemudahan2 saperti jentera dan sa-bagai-nya.

Demikian di-jelaskan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idris ibni Almarhum Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad ketika menjawab soalan yang di-kemukakan oleh sa-orang peserta di-majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini baru2 ini.

Pegawai Daerah itu seterus-nya menjelaskan bahawa masaalah besar yang di-hadapi oleh Jabatan Daerah terutama sekali

Lihat muka 6

## Pejabat Daerah 'pengkalan' hubongan dua hala

Dari muka 5

jalan kechil ka-Kuala Balai ia-lah di-segi mendapatkan tanah untok menimbok jalan2 tersebut di-mana tambah-nya, tanah yang di-rantis yang di-ranchangkan untok menjalankan jalan kechil Kuala Balai daripada Jalan kechil Mumong hingga ka-Kuala Balai itu pada keseluroh-an-nya melalui paya.

"Masaalah besar yang juga di-hadapi mengenai jalan kechil ini ia-lah masaalah untok mendapatkan tanah bagi menimbok jalan kechil itu ka-paras yang lebeh tinggi bagi kegunaan jentera2 yang bermotor untok melalui-nya," ujar-nya.

Pegawai Daerah Belait terdahulu dalam taklimat-nya menjelaskan bahawa Pejabat Daerah Belait ada-lah berfungsi sa-bagai wakil dan pusat pentadbiran kerajaan DYMM dalam mempastikan semua jabatan2 lain bergerak dengan lanchar dan tersusun.

Sa-lain daripada itu, tambah-nya Pejabat Daerah juga menjadi wakil dan pusat perwakilan dan perhubongan dengan sektor awam dan swasta untok berhubong dengan kerajaan.

"Di-sini kita nampak ada-lah sa-olah2 Pejabat Daerah itu sa-bagai sabuah 'pengkalan' untok hubongan dua hala ia-itu di-antara kerajaan dengan sektor swasta dan awam dan begitu juga sebaleknya," tambah Pegawai Daerah.

## Sambutan Isra dan Me'raj

KAMPONG PUDAK. — Jawatankuasa Tertinggi Sekolah 1981-1982 dan Jawatankuasa Kerja Kampong Pudak, Brunei akan mengadakan majlis Sambutan Isra dan Me'raj pada hari Jumaat 12hb Jun, 1981 jam 1.30 petang di-Sekolah Melayu Pudak, Brunei.

Beberapa achara saperti pertandingan membacha Kitab Suchi Al-Kor'an dewasa/lelaki/wanita, peraduan deklamasi sajak bagi peserta yang berumor 15-18 tahun dan persembahan Nashid.

Satu cheramah khas mengenai Isra dan Me'raj akan di-sampaikan oleh sa-orang penceramah khas dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

# UJIAN DAYA JASMANI PERLU DI-PERLUAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengerusi Majlis Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri menyarankan agar latehan jasmani di-perkenalkan sa-chara meluas kapada semua golongan terutama para penuntut.

Kata-nya, hanya melalui pembentokan jasmani yang sehat akan dapat menghasilkan kesihatan mental dan fizikal bagi menjamin kemampuan sa-tiap individu untok memberikan apa jua bentok sumbangan yang di-kehendaki dan melaksanakan kemajuan yang telah di-susun oleh Kerajaan.

### MASAALAH

Pehak yang bertanggong-jawab dalam melaksanakan usaha menjalankan ujian tersebut di-seru supaya terus berusaha tanpa mengenal jemu dalam menyelesaikan apa jua masaalah yang boleh membantutkan ranchangan yang sedang mereka jalankan sekarang.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja merasmikan Pelancharan Ujian Daya Jasmani ka-sekolah2 dan maktab2 seluroh negeri yang telah berlangsong di-Pusat Belia di-sini Khamis lalu.

YB Pehin Orang Kaya Amar Diraja seterus-nya berkata, kalau dulu latehan jasmani sering di-anggap sa-bagai satu kegiatan sekolah yang boleh menjejaskan pelajaran penuntut tetapi sekarang, oleh kerana perlaksanaan-nya telah di-ator dengan begitu tersusun ia-nya telah dapat di-seimbangkan dengan waktu2 yang diperlukan oleh sa-seorang penuntut.

Menurut Yang Berhormat itu, bagi menghindarkan perchengahan kegiatan latehan jasmani dengan mata2 pelajaran penuntut, ia-nya hendak-lah di-jalankan sa-chara terus-menerus dengan meninggalkan amalan 'bila ada perlawanan atau bertandingan baharu-lah bersunggoh-sunggoh mengadakan latehan'.

### TUJUAN

Salah satu tujuan mengadakan ujian daya jasmani ia-lah untok menjadikan sa-tiap penuntut sehat, bertenga dan berkeupayaan dari segi jasmaniah dan rohaniah. Di-samping itu yang penting ia-lah ia-nya boleh di-jadikan ukoran untok mengetahui kemampuan kanak-kanak bukan sahaja dari segi fizikal malahan juga dari segi mental-nya.

Bedasarkan kapada tujuan tersebut, Yang Berhormat Pehin menggesa pehak yang telah mendapati sa-barang kelemahan ka-atas mana jua penuntut supaya akan membuat suatu tindakan yang positif bagi membantu penuntut yang berkenaan.

'Jangan-lah hendak-nya sa-lepas di-uji itu di-biarkan begitu sahaja tanpa suatu susolan. Kalau di-biarkan sahaja boleh menjejaskan kemajuan murid2 itu kerana pada kebiasaan-nya kelemahan mental saseorang itu boleh mengganggu keupayaan fizikal-nya dan sebalek-nya,' jelas Yang Berhormat.

Bagaimanapun Yang Berhormat itu penoh yakin pehak yang telah menganjorkan ujian tersebut telah pun meranchang sasuatu langkah untok membantu sa-tiap penuntut yang berkenaan demi untok memenohi matalamat menguji daya upaya jasmani penuntut. — AKH.

## Minggu Kerja Pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan pengakap tempatan Daerah Brunei dan Muara akan memulakan Minggu Kerja pada 29hb Mei 1981 dan akan berakhir pada 4hb Jun 1981. Minggu Kerja ini ada-lah merupakan projek tahunan Persatuan Pengakap Tempatan Daerah Brunei dan Muara.

Sa-belum projek ini di-jalankan satu perkumpolan bagi semua pengakap akan di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah SMJA bagi perasmian projek ini.

Di-sepanjang Minggu Kerja ini di-jalankan pengakap2 akan pergi karumah2 di-daerah ini bagi mendapatkan dan membuat kerja2 yang berpatutan dan terupaya oleh mereka. Bersama2 mereka, mereka akan membawa kad2 yang mana khas untok di-isi oleh setiap orang yang membahagikan kerja atau tugas pada hari Minggu Kerja itu nanti.

Untok menjayakan minggu kerja ini kerjasama dari orang ramai ada-lah sangat2 di-hargai.

## Persefahaman

Dari muka 3

melawat ka-Malaysia Barat pada tahun lepas.

"Ada-lah menjadi harapan saya supaya pertukaran lawatan saperti ini dapat di-lakukan dari masa ka-semasa demi untok mengeratkan lagi tali persahabatan bukan sahaja antara ahli2 kedua-dua dewan tetapi juga pendudok kedua-dua negara," jelas Senator Kammarul Ariffin.

Ujar-nya lagi, usaha saperti itu juga sedikit sabanyak dapat membantu ka-arah mengembangkan persefahaman serta kerjasama sa-rantau.

Senator Kammarul Ariffin juga mensifatkan lawatan itu tidak shak lagi dapat memberi peluang bagi ahli2 berkenalan serta bertukar-tukar fikiran dengan peniaga2 dan pengusaha2 di-Brunei, di-samping berkesempatan untok melihat kemajuan yang telah dichapai oleh ahli2 perniagaan tempatan di-sini.

## Tanggong-jawab

Dari muka 5

yat dan pendudok2 di-negeri ini sentiasa-lah mendokong tugas dan tanggong-jawab kerajaan Kebawah DYMM dalam bidang ini," ujar-nya lagi.

Terdahulu dalam taklimat-nya, Dato Paduka Abidin memberitahu Jabatan Imigeresen di-tubohkan ada-lah bertujuan untok mengawal kemasokan orang2 asing, memberi taraf tetap pendudok2 kapada orang2 yang berhak mendapat taraf sa-demikian, mengeluarkan pasport kapada orang Brunei yang berhak mendapatkan pasport bagi perjalanan kaluar negeri, mengeluarkan visa2 bagi orang2 asing. — JI.

# Kempen menchegah koler[a] bagi sekolah2 dan kampong2

DAERAH BRUNEI-MUARA

| Tarikh | Tempat Di-Lawat | Untok Menyuntek Pendu[duk] |
| --- | --- | --- |
| 30.5.81 | Kg Menunggol | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Putat | Klinik |
| | Kg Bunot Perpindahan | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Tanjong Bunot | Rumah Awg Bakir bin Juma[t] |
| | Kg Tasek Meradun | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Telanai | Di-Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Medewa | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Peninjau | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Bukit Bunga | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Angor | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| 3.6.81 | Kg Pudak | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Ujong Kelinik | Di-Rumah Ketua Kamp[ong] |
| | Kg Bengkurong | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Burong Lepas | Bengkurong |
| | Kg Sinarubai | |
| | Kg Beribi | Di-Rumah Penghulu Mu[kim] Gadong |
| | Kg Santul | Di-Rumah Ketua Kamp[ong] |
| | Kg Kilanas | Di-Rumah Ketua Kamp[ong] |
| | Kg Kiulap | Di-Rumah Ketua Kamp[ong] |
| | Kg Kiarong | Di-Rumah Ketua Kamp[ong] |
| 4.6.81 | Kg Sengkurong A | Di-Rumah Penghulu Kampong |
| | Kg Limau Manis | |
| | Kg Kuala Lurah | |
| | Kg Batang Perbatian | |
| | Panchor Murai | Di-Rumah Penghulu Lim[au] Manis |
| | Imang | " " " |
| | Batong | " " " |
| | Kg Pengkalan Batu | Balai Raya |
| | Kg Batu Ampar | Balai Raya |
| | Kampong Parit | Balai Raya |
| | Kampong Bebatik | Rumah Haji Tudin |
| 6.6.81 | Kg Serusop | Rumah Haji Nawang |
| | Kg Lambak | Rumah Ketua Kampong |
| | Kg Terunjing | Surau Kampong Terunj[ing] |
| | Kg Madang | Kedai Haji Ali |
| | Kg Manggis | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Sungai Akar | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Sungai Tilong | Di-Rumah Chegu Kham[is] |
| | Kg Sungai Hanching | Di-Rumah Chegu Kham[is] |
| | Anggerek Desa | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Orang Kaya Besar Imas | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Delima Satu | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Tanah Jambu | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Salam Bigar | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |
| | Kg Pencha Delima | Di-Rumah Ketua Kampo[ng] |

DAERAH TUTONG

| Tarikh | Tempat Di-Lawat | Untok Menyuntek Pendu[duk] |
| --- | --- | --- |
| 8.6.81 | Kg Bukit Panggal | Rumah Ketua Kampong Haji Momin bin Ash[...] |
| | Kg Luagan Dudok | Balai Raya |
| 9.6.81 | Kg Sinaut | Balai Raya Kg Sinaut |
| | Kg Batu 18/19/20 | Balai Raya Kg Sinaut |
| | Kg Santol | Balai Raya Kg Sinaut |
| | Kg Kupang | Balai Raya Kg Kupang |
| | Kg Batu 16/17 | Balai Raya Kg Kupang |
| | Kg Ikas | Balai Raya Kg Kupang |
| | Kg Badong | Balai Raya Kg Kupang |
| 10.6.81 | Kg Tanjong Maya | Balai Raya |
| | Kg Penapar | Rumah Ketua Kampong Haji Abd Latif b Pyt [...] |
| 11.6.81 | Kg Bukit Udal | Balai Raya |
| | Kg Lubok Pulau | Balai Raya |
| 15.6.81 | Kg Telisai | Balai Raya Kg Telisai |
| | Kg Keramut | Balai Raya Kg Telisai |
| | Kg Telamba | Balai Raya Kg Telisai |
| | Kg Danau | Balai Raya Kg Danau |
| | g Tempuan Ugas | Balai Raya Kg Danau |
| | Kg Bukit Pasir/ | Balai Raya Kg Danau |
| | Bukit Basong | Balai Raya Kg Danau |
| | Penyatong | Balai Raya Kg Danau |
| | Kg Bukit Beruang | Balai Raya Kg Danau |
| | Kg Tempuan Ugas | Balai Raya Kg Danau |

## Taklimat: Memberi faedah besar

Dari muka 5

fikir, amat-lah berguna dan memberikan faedah yang begitu besar kapada para peserta-nya," jelas Awang Arbik bin Osman, salah sa-orang peserta pada pagi itu.

Awang Arbik, 57 tahun dan bekerja sa-bagai sa-orang pengawas di-Pejabat Hal Ehwal Ugama di-Kuala Belait seterus-nya merakamkan penghargaan beliau di-atas inisiatif Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan di-dalam menganjorkan majlis sa-rupa itu.

Sementara itu, salah saorang lagi peserta majlis tersebut Awang Mohammad Jun bin Tajin, 36 tahun ketika kami temui baru2 ini menjelaskan melalui majlis ini para peserta sedikit sa-banyak telah dapat mengetahui tentang peranan Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

"Melalui penerangan yang di-berikan, dapat-lah kami memahami bahawa Brunei yang akan merdeka di-dalam tahun 1983 ini, semakin melangkah menuju ka-matalamat-nya untok sa-tanding dengan negara jiran dalam erti kata menegakkan kedaulatan dan chintakan keharmonian di-rantau Asia ini. Majlis ini juga telah memberikan kesempatan kapada kami untok bertemu muka dengan pega[wai] yang berkenaan atau ke[tua] jabatan yang di-undang u[ntok] memberikan penerangan pada kami.

Ada-lah menjadi har[apan] kami bahawa segala cha[dang]an2 yang kami berikan [...] pun segala masaalah2 [...] kami hadapkan yang [...] pun di-dengarkan oleh [...] ka yang berkenaan tidak [...] gal di-dalam majlis ta[...] itu sahaja dan biar-lah [...] di-ambil serius dan [...] nya di-berikan pertimba[ngan]" tambah Awang Mo[hammad] Jun lagi.

Awang Mohammad J[un] kerja sa-bagai kerani [...] di-Jabatan Talikom, [...] Belait.

# ANGKATAN BERSENJATA DARI KACHA MATA ISLAM

**Firman Allah:**

"JANGAN-LAH kamu sangkakan bahawa orang2 yang terkorban di-jalan Allah itu mati; bahkan mereka hidup di-sisi Tuhan-nya dengan mendapat rezeki."—Ali Imran, ayat 169.

ANGKATAN bersenjata atau pasokan keselamatan ada-lah merupakan tulang belakang pertahanan negara yang bertanggong-jawab melindongi keselamatan negara dan segala isi-nya.

**Oleh: Jahri Latif**

*Pada 31hb Mei, 1981 hari Ahad ini, Askar Melayu Diraja Brunei menyambut ulang tahun-nya yang ke-20. Bersempena dengan ulang tahun-nya ini, di-siarkan satu renchana khas yang di-tinjau dari kacha mata Islam. kerana tugas atau pekerjaan sa-bagai anggota tentera sangat di-sanjong tinggi dan mulia di-sisi pandangan Ugama Islam.*

Walau bagaimana pun, tujuan penubohan dan memperkuat angkatan bersenjata itu dalam fahaman ugama Islam, ia-itu ugama rasmi negara, bukan-lah bermaksud untok melakukan penganiayaan terhadap sa-siapa pun, malah sebalek-nya supaya kita dalam negara Islam jangan sampai di-ristakan 'kufor' kerana sa-sudah hujan baru menchari payong.

Persediaan yang lengkap dan kuat sangat di-perlukan dalam sa-suatu keadaan bagi tujuan mempertahankan diri.

Mengikut tawarikh Islam, ketika Rasulullah s.a.w. berhijrah ka-Yathrib (Madinah) pada tahun 622 masehi, musoh2 Islam yang terdiri daripada golongan Mu'ahid, kaum kafir Quraish, suku2 kabilah Arab dan golongan Munafiqin sentiasa melancharkan konfrantasi-nya yang terus-menerus dan tidak henti2-nya terhadap umat Islam, di-mana tujuan mereka itu ia-lah untok menghanchorkan akidah dan iman dengan chara apa pun.

## MUSOH

Dalam keadaan pengaruh musoh sunggoh kuat melanda umat Islam pada masa itu, Rasulullah s.a.w. sangat2 mengharap2kan perentah dari Tuhan, dan akhir-nya harapan itu tercapai juga. Walau pun demikian, sikap Rasulullah yang di-dokong oleh angkatan tentera-nya untok melawan musoh2 ugama itu ada-lah berlandaskan kapada firman Allah yang tersebut dalam Surah Al-Hajj ayat 39 — 41 yang kira2 bermaksud:

*"Telah di-izinkan berperang bagi orang2 yang di-perangi, kerana sa-sunggoh-nya mereka telah di-aniaya. Dan sa-sunggoh-nya Allah benar2 Maha Kuasa menolong mereka itu, ia-itu orang2 yang telah di-usir dari kampong halaman mereka tanpa alasan yang benar, kerana mereka berkata: Tuhan kami hanya-lah Allah."*

*"Dan sekira-nya Allah tiada menolak keganasan sa-bahagian manusia dengan sa-bahagian yang lain, tentu-lah telah di-robohkan biara2 Nasrani, geraja2, rumah2 ibadat orang Yahudi dan masjid2, yang di-dalam-nya banyak di-sebut Allah. Sa-sunggoh-nya Allah pasti menolong orang2 yang menolong ugama-Nya. Sa-sunggoh-nya Allah benar2 Maha kuat lagi Maha Perkasa, ia-itu orang2 yang jika kami teguhkan kedudokan mereka di-muka bumi neschaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuroh berbuat baik dan menchegah dari perbuatan mungkar; dan kapada Allah-lah kembali segala urusan."*

Jadi angkatan bersenjata itu memang-lah mustahak bagi sa-sebuah negara, kerana angkatan tersebut bertugas untok mempertahankan ugama, bangsa dan tanah ayer di-samping untok menegakkan kebenaran dan menjamin kebebasan berugama.

## BALA TENTERA

Menurut daripada kesimpulan pendapat Ulama2 Islam bahawa umat Islam wajib melantek Raja menjadi Ketua Tertinggi dan tumpuan perpaduan. Di-antara tanggong-jawab utama Raja itu ia-lah:

- ★ *Menyediakan bala tentera*
- ★ *Memperkuat pertahanan negara*
- ★ *Mengawal keselamatan sempadan negara*
- ★ *Berjihad melawan orang2 kafir yang menjadi musoh Islam*
- ★ *Mengwujudkan keamanan dan keselamatan umom*
- ★ *Menjaga Ugama Islam, menjalankan hukum2-nya serta meninggikan Kalimah Allah.*

Dari pada itu, jelas-lah kapada kita tentang tugas2 dan tanggong-jawab2 penting angkatan bersenjata saperti Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang menyambut ulang tahun-nya yang ke-20 pada 31hb Mei ini, betapa berat peranan-nya dari segi jihad, mengawal keselamatan dan keamanan negara dan menjaga ketinggian Ugama Islam serta menegakkan Kalimah Allah itu.

Maka dengan terbentok-nya Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei ini bererti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah melaksanakan kewajipan-nya yang penting ia-itu menyediakan bala tentera dengan kelengkapan2 perang yang memadai kapada keperluan2 jihad saperti yang di-kehendaki oleh Ugama Islam.

## MENINGGALKAN PEPERANGAN

Sa-telah angkatan bersenjata dapat di-bentok dengan kelengkapan2 peperangan menurut keperluan2 negara, maka perkara yang amat penting dalam angkatan itu ia-lah menjadikan anggota-nya sa-bagai perwira2 Islam yang bersemangat berani, bertanggong-jawab, jujor, amanah dan taat kapada perentah ketua-nya.

Kerana kekuatan fizikal sahaja tidak chukop kalau tidak di-sertai dengan kekuatan rohani. Anggota tentera yang lemah rohani-nya mudah chabut dari medan pertempuran. Sedang, melarikan diri dari medan peperangan itu ada-lah di-anggap perosak besar oleh Junjongan Rasulullah s.a.w. Perbuatan sa-demikian ada-lah di-anggap bersifat bachul dan pengechut. Ini bererti telah meninggalkan suatu tanggong-jawab dan kewajipan yang mulia lagi terpuji.

Sikap demikian terang2 mendedahkan kelemahan diri sendiri kapada pehak musoh yang akhir-nya mengakibatkan tembus-nya kubu pertahan negara. Sikap ini sangat di-chela oleh Allah s.w.t. Saperti firman-nya dalam Surah Al-Anfal ayat 15 yang kira2 bermaksud:

*"Wahai orang2 yang beriman, apabila kamu bertemu dengan orang2 yang kafir yang sedang menyerang mu, maka jangan-lah kamu undor lagi dari mereka."*

## SHAHID !

Sa-bagai sa-orang tentera atau askar semangat berani mesti ada dalam jiwa mereka terutama dalam menghadapi medan perjuangan. Sifat anggota tentera tidak kenal gentar, walau pun mengharongi hujan peluru tetapi jiwa waja tentera akan terus mara berjuang mempertahankan ugama, bangsa dan negara-nya sekali pun menitiskan darah yang terakhir dan menemui ajal-nya di-situ, sa-benarnya mereka tidak mati saperti mati biasa, sa-balek-nya mereka ada-lah orang2 yang mati Shahid ! Bukan-lah Allah s.w.t. telah berfirman dalam Surah Ali-Imran ayat 169 yang kira2 bermaksud:

*"Dan jangan sekali2 kamu sangkakan bahawa orang2 yang gugor di-jalan Allah itu mati; bahkan mereka hidup di-sisi Tuhan-nya dengan mendapat rezeki."*

Kerana itu, ada-lah mustahak sa-bagai sa-orang tentera Islam, saperti anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Bunei, supaya menjadi tentera kerajaan negara Islam yang bertaqwa kapada Allah, supaya pengorbanan2 yang mereka berikan itu tidak sia2, bahkan pengorbanan2 mereka dalam berjuang menurut ajaran2 Allah sangat-lah di-sanjong tinggi di-sisi Allah s.w.t. sunggoh pun di-takdirkan mereka itu terkorban di-medan perjuangan, tetapi sa-benarnya mereka itu ada-lah bergembira dan merasa puas kerana hidup di-sisi Allah dan mendapat limpah kornia dari Allah.



SA-BAHAGIAN daripada anggota tentera yang telah menamatkan latehan sedang mengadakan upachara perbarisan untok di-beri penghormatan. Ada-lah di-fahamkan sa-tiap pengambilan rekrut2 baru sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan dari golongan belia di-negeri ini.



DALAM gambar ini menunjokkan anggota AMDB ketika mengadakan latehan2 bagi menambahkan pengalaman2 dan kechekapan2 yang di-perlukan oleh sa-buah angkatan bersenjata. Betapa mereka memperlihatkan sifat keperwiraan yang tangkas dan bersemangat.

# AMDB sambut penubohan yang ke-20 tahun

**Oleh: AISAH PIEE**

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan mengadakan beberapa ranchangan sempena sambutan hari ulang tahun yang ke-20 penubohan pasokan tersebut pada hari Ahad 31hb Mei, 1981 ini.

Pada sa-belah pagi 31hb Mei satu perbarisan berjalan lalu akan di-adakan di-ibu negeri, yang akan di-sertai oleh anggota2 dari Battalion Pertama, Battalion Kedua, ahli2 Pancharagam Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan ahli2 Kompeni Askar Muda dari Pusat Latehan.

Perbarisan tersebut juga akan di-sertai dengan perbarisan kenderaan yang di-punyai oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, termasok Kereta Perisai Scorpion dan Sultan dan lain2 kenderaan pasokan tersebut.

## PERBARISAN

Sa-lain dari mengadakan perbarisan di-darat, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei juga akan mengadakan Pelayaran Lalu oleh kapal2 peronda dari Angkatan Laut dan perahu2 khas yang di-gunakan oleh Skuadron Perahu Khas. Ia-nya akan di-adakan di-dermaga, Kastam Diraja di-Ibu negeri, sa-telah selasai mengadakan perbarisan di-darat.

Achara hari itu juga akan di-serikan dengan persembahan halikopter terbang lalu oleh anggota2 dari Chawangan Udara, serta persembahan payong terjun yang akan di-langsongkan di-Padang Besar.

Juga bersempena dengan sambutan hari ulang tahun yang ke-20 pasokan tersebut, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan mengadakan satu jamuan khas bagi orang2 chachat, yang akan di-adakan di-Pusat Latehan Perkhemahan Bolkiah, pada 31hb Mei mulai jam 2.00 petang.

Sementara itu, dua jamuan khas yang berasingan akan di-adakan di-sa-belah malam 31hb Mei bertempat di-Perkhemahan Berakas dan di-Mess Pegawai Waran dan Sargen, yang akan di-hadhiri oleh jemputan2 khas.

## MADRASAH

Achara2 di-perkhemahan ada-lah berupa pertunjokan pentas oleh ahli2 muzik dan drama dan ahli2 tentera bersenjata Singapura. Ia-nya akan berlangsong di-Perkhemahan Berakas dan Perkhemahan Tutong.

Achara yang berchorak keugamaan dalam sambutan tersebut ia-lah majlis perasmian madrasah Angkatan Laut Muara, yang akan berlangsong pada 29hb Mei 1981 yang akan di-rasmikan oleh Timbalan Pemerintah Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Mohammad Daud.

Majlis tersebut akan di-dahului dengan upchara sembahyang fardhu Maghrib dan kemudian-nya di-ikuti dengan majlis berdzikir.

# RANCHANGAN2 RADIO PILEHAN AWDA

BAHAGIAN Melayu Radio Talivishen Brunei ingin mengetahui pendapat AWDA mengenai dengan ranchangan2 Radio yang kami siarkan sa-tiap hari. Sila berikan pendapat Awda atas ranchangan2 yang di-senaraikan.

Ranchangan2 yang Awda sukai sekali tulis-lah nombor satu pada kotak2 yang di-sediakan. Demikian juga ranchangan2 yang mendapat tempat kedua di-hati Awda tulis-lah nombor dua dan begitu-lah seterus-nya.

Potong-lah borang ini saperti yang di-kehendaki, dan tulis-lah nama, jantina dan umor Awda yang sa-benar-nya di-tempat yang telah di-sediakan. Semua nama samaran tidak akan di-layan.

Hantar-lah borang jawapan awda kapada :

Pengelola Kanan,
Bahagian Melayu,
Tingkat Lima
Jabatan Radio Talivishen Brunei,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

.................................. potong di-sini ..................................

BAHAGIAN MELAYU
(RADIO TALIVISHEN BRUNEI)
RANCHANGAN2 PILEHAN AWDA

Nama : ..................................................................

Jantina : ..................................................................

Umor : 5–15 ☐ 16–20 ☐ 21–30 ☐ 31 ka-atas.

DRAMA/CHERITA :

- Sandiwara Radio ☐
- Chitrawara ☐
- Drama Masharakat ☐
- Cherpen dan Salokan ☐
- Chitra Irama ☐
- Ruangan Ketani ☐
- Langgam Suara ☐

UGAMA :

- Sinaran Wahyu ☐
- Tafsir Al-Kor'an ☐
- Siri Mukkaddam ☐
- Majallah Ugama ☐
- Soal Jawab Ugama ☐
- Bimbingan Al-Kor'an ☐
- Hidayat ☐
- Bachaan Al-Kor'an ☐
- Suntingan Khutbah ☐

HIBORAN DAN POPULAR MUSIK :

- Pancharagam Tempatan ☐
- Gambus ☐
- Persembahan-ku ☐
- Senandong Kanak-kanak ☐
- Bingkisan Tanah Ayer ☐
- Mutiara Asli ☐
- Puspa Irama ☐
- Dendang Suria ☐
- Apa Pilehan Awda ☐
- Lagu2 Permintaan ☐
- Tetamu Minggu Ini ☐
- Kenangan Mengusik Jiwa ☐
- Pop Minggu Ini ☐
- Rampai Sari ☐

GENERAL APPEAL

- Majallah Radio ☐
- Komintar Radio ☐
- Untok Para Tani ☐
- Sharikat Kerjasama ☐
- Fokus ☐
- Doktor Radio ☐
- Dunia Wanita ☐
- Suara Perajurit ☐
- Uji-lah Bahasa Kita ☐
- Dari Kampong Ka-Kampong ☐
- Sokan dan Olahraga ☐
- Taman Mekar ☐
- Pelajaran Dewasa Di-Udara ☐
- Untok Belia ☐
- Bertutor Bahasa Inggeris ☐
- Soalan Di-Udara ☐
- Varia Peristiwa ☐
- Apa Pendapat Awda ☐
- Mari Berpantun ☐
- Rimba Raya ☐
- Titian Budaya ☐



HASLINDA MOHD. TA... Juara Mutika '81 akan ... hantar untok mewakili Ne... Brunei ka-pertandingan ... nyian Amator Asia yang aka... di-adakan di-Hong Kong pa... da 31hb Mei 1981.

Pertandingan tahun ini ka... ke-enam di-anjorkan ha... menjemput sa-orang wakil ... haja dan ada-lah di-jang... kan sa-ramai 12 buah band... ia-itu Auckland, Bangko... Hong Kong, Kota Kinaba... Kuala Lumpur, Macao, Ma-nila, Seoul, Singapura, Syd-ney, Tokyo dan Bandar Se... Begawan akan menyertai-nya.

Pemenang johan pertan-dingan akan menerima wa... tunai sa-banyak HK$30,00... pemenang hadiah emas aka... menerima wang tuna... HK$10,00, dua hadiah pera... wang tunai HK$5,000 sa-orang, tiga hadiah gang... wang tunai HK$3,000 sa-orang dan hadiah saguha... HK$500 sa-orang.

Dalam ranchangan keluar-an khas 'Haslinda Juara Mu-tika '81,' Haslinda akan mem-persembahkan beberapa buah lagu istimewa untok peminat2 di-tanah ayer sekalian dan ... termasok lagu yang aka... Haslinda nyanyikan di-per-tandingan nyanyian Amator Asia nanti.

Ikuti-lah siaran ranchanga... ini pada hari Juma'at mala... 29hb Mei, 1981 pada ja... 8.40 malam.

# *Artis2 dari Indonesia jayakan ranchangan khas 'SALAM MESRA'*









# Di-siarkan pada 31hb. Mei

KAPADA peminat2 ranchangan hiboran jangan lupa untok mengikuti ranchangan khas 'Salam Mesra' pada hari Ahad 31hb Mei jam 9.10 malam.

Ranchangan ini akan di-jayakan oleh artis2 kegemaran ramai dari Indonesia ia-itu Hetty Koes Endang, Eddy Silitonga, Vivi Sumanti, Broery Marantika dan di-iringi oleh band Pretty Sisters.

Mereka akan mempersembahkan lagu kegemaran ramai antara-nya ia-lah Dingin, Melati, Bisekan Chinta, Jangan sakiti hati-nya, dan Lahir-nya sa-orang biduan.

# PERTAN... SKER...

PENULIS2 tanah ayer a... lis skerip drama TV m... berthemakan pembangu... serta yang berbentok pe... bentok komidi dan purb...

Penulis2 boleh-lah ... kebesaran tersebut di-baw... 1982 akan datang.

1. HARI MAULUD :

Drama yang berchor... memberi kesedaran umat ... hidupan yang berlanda... oleh Nabi Muhammad s...

2. ULANG TAHUN ASK... MELAYU DIRAJA B...

Drama ini membayang... dan usaha gigih yang di-b... kan itu sa-bagai benteng ... gara. Ia-nya juga meng... hidupan sa-buah keluarg... tindak tandok belia2 u... lapangan tentera sa-bagai ... gas suchi untok sama2 b... nusa dan bangsa.

3. ISRA' ME'RAJ :

Sa-buah lagi drama ... ugamaan sempena sambu... raj akan di-usahakan pa... Jun 1982. Drama ini ... ugamaan mengesahkan ... zaman sains dan teknolo... an2 Islam sentiasa hidup ... bang dalam semua zama...

4. HARI KEPUTERAA... DULI YANG MA... PADUKA SERI BA... SULTAN DAN YAN... DIPERTUAN :

Drama ini akan di-... pertengahan bulan Julai. ... ga akan menggambarkan ... sharakat kota dan desa d... hidup yang bertamaddu... bersama oleh arus pemb...

5. DRAMA JENIS PU... KOMIDI UNTOK ... AIDIL FITRI :

Drama2 ini ada-lah ... daki. Suatu gambaran ... sharakat, keadaan yang ... pertentangan dan akhir... kedamaian.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 27HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NATURE OF THINGS: "The People You Never See"
5.30 JOSIE AND THE PUSSYCATS IN OUTER SPACE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY
6.30 SAPPHIRE AND STEEL: Ep. 2. Sapphire dan Steel menghadapi masa-alah untok memasoki sa-buah rumah yang dapat di-rasa tetapi tidak dapat di-lihat.
6.34 AZAN MAGHRIB
6.42 SAPPHIRE AND STEEL — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS: "The Gathering Storm" Keretakan timbul dalam keluarga Ewing.
7.46 AZAN ISHA
7.50 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 CONCRETE COWBOYS — "Eldorako" Bgh. 2.
9.50 TAYANGAN GAMBAR: "Outrage" Sa-orang lelaki dan keluarga-nya selalu di-ganggu oleh sa-kumpolan anak2 muda di-sekitar-nya yang menyebabkan kehidupan mereka rasa terancham. Akhir-nya dia bertindak bersendirian untok menghentikan-nya. Pelakun2: Robert Culp, Marlyn Mason, Beach Richards, Jacqueline Scott dan Ramon Bieri.
11.30 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 28HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TOM AND JERRY
6.28 MYSTERIOUS WORLD
6.34 AZAN MAGHRIB
6.42 MYSTERIOUS WORLD — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 WONDERLAND COVE: "Bridget's Romance"
7.46 AZAN ISHA
7.50 WONDERLAND COVE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.40 THREE'S COMPANY — Ep. 203 "Ground Rules"
10.10 THE OMEGA FACTOR — Bgh. 9 "Double Vision"
11.00 GREAT WESTERN THEATRE
12.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 29HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE
5.30 SUPER GLOBE TROTTERS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS
6.30 THE MUPPETS — Tetamu: Debbie Harry
6.34 AZAN MAGHRIB
6.42 THE MUPPETS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MARIE OSMOND SHOW
7.46 AZAN ISHA
7.50 MARIE OSMOND SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 HASLINDA JUARA MUTIKA '81
9.10 SOAP: Ep. 23.
9.40 BIG LEAGUE SOCCER
10.30 QUINCY: —"Diplomatic Immunity"
11.20 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 30HB. MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE MERRIE MELODIES SHOW
6.28 BEWITCHED — "Samantha and the Antique Doll" Ibu Darrin menyangka diri-nya mempunyai ilmu ghaib.
6.34 AZAN MAGHRIB
6.42 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAGNUM
7.46 AZAN ISHA
7.50 MAGNUM — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 SAMBUTAN ISRA
9.50 HAMMER HOUSE OF HORROR: "Growing Pains"
11.40 CHAHAYA (Ulangan)
12.30 SIARAN TAMAT.



"OUTRAGE" tayangan gambar malam ini.

## AHAD — 31HB. MEI

### HARI ULANG TAHUN ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

PAGI

8.20 PEMBUKAAN
8.22 SUSUNAN RANCHANGAN
8.30 LIPUTAN MENYAMBUT HARI ULANG TAHUN ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI.
10.00 EDINBURGH MILITARY TATTOO
11.15 GEMA 31HB MEI
12.00 SIARAN TAMAT.

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.12 TAYANGAN GAMBAR: "Captain Nemo and the Underwater City CIC" Kesah dalam kurun ke-19 apabila sa-buah kapal layar telah tenggelam dalam satu ribut taufan. Sa-bahagian penumpang2-nya telah di-selamatkan oleh sa-buah kapal selam yang membawa mereka ka-sebuah bandaraya di-dasar lautan. Pelakun2: Robert Ryan, Chuck Connors, Nanette Newman, Luciana Paluzzi dan Bill Fraser.
3.42 TOMORROW ENTERTAINMENT SPECIAL "Mad Mad Monsters"
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BRASS IN CONCERT
5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURE: "Seal Island"
6.34 AZAN MAGHRIB
6.42 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK
7.46 AZAN ISHA
7.50 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 ACHARA KEMUNCHAK PERAYAAN AMDB.
9.10 SALAM MESRA
9.55 BOSOM BUDDIES
10.25 DRAMA: Perwira
11.55 REGIONALS FINALS: "Hong Kong"
12.20 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 1HB. JUN.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 SUPER SEVEN
5.35 ANIMAL WORLD: "Dragons of Komodo"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TARZAN — "Basil of the Bulge"
6.35 AZAN MAGHRIB
6.43 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
7.47 AZAN ISHA
7.51 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.10 SA-JAMBAK SENI
9.45 A TOWN LIKE ALICE: Ep. 2 — Banduan2 perang bangsa Inggeris menerima pertolongan sa-orang askar Australia kerana jatoh chinta dengan sa-orang daripada mereka
10.35 WHICKER'S WORLD
11.25 HILL STREET BLUES: "I Never Promised You A Rose Marvin" Sedang pegawai-nya menjalankan tugas-nya, Captain Furillo di-gesa untok menutop penglibatan sa-orang ahli politik dalam satu pembunohan.
12.10 SIARAN TAMAT

## SELASA — 2HB. JUN.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH: "Caught Redhanded"
5.15 HANDFUL OF SONGS
5.30 AQUAMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BLAKE'S SEVEN
6.35 AZAN MAGHRIB
6.43 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 240 ROBERT — "Models"
7.47 AZAN ISHA
7.51 240 ROBERT — sambongan
8.30 CHERAMAH MERAJ
8.40 ARENA SOKAN
9.10 TAYANGAN GAMBAR — "Cactus Flower" Columbia
11.00 THE ASSOCIATES "Mr. Marshal's Love Affair"
11.30 SIARAN TAMAT.



PEMANDANGAN dari tayangan gambar "Captain Nemo and the Underwater City" yang akan di-tayangkan di-Hari Ulang Tahun AMDB, Ahad depan kira2 2.12 petang.



# Wakil Pasokan Bo johan peraduan mem Kor'an Jabatan2 beru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Membacha Al-Kor'an antara Jabatan2 Kerajaan yang beruniform telah di-langsongkan di-Ibu Pejabat Pasokan Bomba di-sini pada malam Ahad 23hb Mei yang lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof ibni Pengiran Pemancha Sahibol Rae' Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam telah merasmikan peraduan itu dan juga menyampaikan hadiah2 kapada pemenang peraduan pada malam tersebut.

Awang Hashim bin Haji Hassan wakil dari Jabatan Bomba telah munchol sa-bagai johan dengan mendapat markah 87¾ peratus. Tempat kedua di-menangi oleh Awang Duraman bin Haji Md Salleh dengan markah-nya

84½ peratus ... menangi oleh ... Awang Dam... ratus kedua2-... Melayu Diraja ...

Johan pada ... menerima wang ... rebutan yang ... Usaha Kera... Pehin Orang ... Seri Setia Aw... telah mener... untok menun... Mekah.

Sementara ... hadiah wang ... menerima wan...

Pasokan ... Askar Melayu ...



PENGAWAL Pasokan Bomba, Awang Haji Yaccob bin Haji Mohd Yusof, selaku Pengerusi Pertandingan, sedang mengalu2kan keberangkatan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof, untok merasmikan peraduan tersebut.

PERADUAN tersebut telah di-serikan dengan persembahan nashid oleh penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (gambar kiri).

GAMBAR bawah kelihatan sa-bahagian dari para hadhirin yang hadhir menyaksikan Peraduan pada malam itu.





EMPAT dari 12 orang peserta yang mengambil baha... Hajis bin Amai, Imigeresen; Awg Khamis bin Nasar, ... Haji Wahab bin Pengiran Haji Umar, Pulis.

Gambar bawah kelihatan para jemaah hakim yang ... Haji Damit yang menghakimkan peraduan tersebut.





# PEMIMPIN PERLU LENGKAP DGN SIFAT2 YG BAIK

BULAN ini di-namakan bulan Rejab. Dalam bulan ini-lah pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. berlaku-nya peristewa Isra' dan Me'raj kira2 ketika Baginda berusia 51 tahun atau kira2 tahun yang ka-11 Baginda menjadi Rasul.

Pada suatu malam ia-itu pada malam 27hb Rejab, Allah s.w.t. berkenan memanggil Baginda Rasulullah s.a.w. untok mengadap ka-hadhrat-Nya dan untok memperlihatkan sa-bahagian dari tanda2 kebesaran-Nya serta untok menyerahkan suatu tugas dan kewajipan yang paling istimewa ia-itu sembahyang2 fardhu. Perjalanan Nabi Muhammad s.a.w. dari Mekah ka-Masjidil-Aqsa di-Pelastian itu di-namakan Isra' dan naik-nya Baginda ka-langit tujoh lapis, sampai ka-Sidarul-Muntaha akhir-nya ka-Mastawa di-namakan Me'raj. Di-sini Baginda menerima kewajipan sembahyang lima waktu ia-itu fardhu2 suboh, dzuhor, asar, maghrib dan Isha, yang asal-nya sa-hari sa-malam di-tetapkan lima puloh waktu, lalu di-kurangi sa-hingga menjadi lima waktu sahaja. Sa-habis itu Baginda kembali turun ka-bumi melalui Masjidil-Aqsa di-Pelastian lalu ka-Mekah sa-mula pada malam yang sama. Demikian-lah rengkasan peristewa Isra' dan Me'raj Baginda Rasulullah itu.

## PENGAJARAN

Peristewa ajaib itu selalu benar kita rista dan kita peringati hampir tiap2 tahun supaya kita dapat mengambil pengajaran daripada-nya, dan bagi maksud supaya kita dapat meningkatkan iman dan amal kita. Mudah-mudahan kita umat Islam tidak akan jemu2 untok memperingati peristewa tersebut sa-hingga bila2 masa. Kerana memperingati peristewa yang bersejarah dalam Islam itu amat banyak guna dan faedah-nya.

Terbit dari peristewa Isra' dan Me'raj Rasulullah s.a.w. itu, maka dalam khutbah ini mari-lah kita tumpukan perhatian kita kapada satu perkara sa-belum Baginda itu memulakan perjalanan di-malam Isra' dan Me'raj itu.

Perkara tersebut ia-lah upachara pembedahan dada Baginda yang di-lakukan oleh Malaikat Jibril dan Meka'il untok di-bersehkan hati-nya kemudian di-isikan dengan sifat hilam (kesabaran), ilmu, keyakinan dan keIslaman, kemudian di-tutop kembali.

Nampak-nya pembedahan bathin itu sudah menjadi hikmat Ilahi dan sa-macham satu keperluan sa-belum Baginda Rasulullah meneroka alam melakut dan alam langit serta alam ghaib yang sa-bentar lagi akan menyaksikan sa-bahagian dari tanda2 kebesaran Allah s.w.t.

Erti-nya sekali pun Baginda itu merupakan Rasul dan utusan Allah yang sedia bersifat mulia dan berseh dari segala dosa, namun maseh di-perlukan kelengkapan dengan persediaan2 khusus bagi menempoh Me'raj.

## PETUNJOK

Ini memberikan petunjok kapada kita sekalian bahawa-sa-nya sa-seorang pemimpin besar atau kechil yang memimpin umat besar atau kechil baik yang berada di-tingkat atas atau bawah lebeh dahulu perlu membersehkan hati-nya sendiri dari sifat2 yang burok untok di-ganti dengan sifat2 yang baik.

Ini perlu di-lakukan sa-belum berusaha memperbaiki lain2 perkara dan untok mempastikan pimpinan-nya akan beroleh kejayaan yang baik lagi sempurna. Tanpa ada-nya hati yang berseh dan kehendak yang suchi, maka apa yang di-pimpin itu pasti tidak akan dapat menjadi baik.

Sekali pun peratoran yang di-tulis baik2 belaka, tetapi jalan-nya tentu tidak sa-chuchok dengan kehendak2 peratoran itu. Kerana pemimpin itu sendiri-lah yang mendahului untok melanggar peratoran2 yang di-buat-nya sendiri tadi, kemudian para pengikut-nya akan ikut-ikutan melanggar peratoran2 yang ada, akhir-nya hukum tidak berjalan. Yang berkuasa itu-lah yang menang dan makmor sedang yang tiada punya apa2 langsong tertekan dan menderita.

## PERIBAHASA

Sebab itu para pemimpin, baik apa sahaja yang di-pimpin-nya samada di-perengkat negara, ugama, masharakat, perguruan, maktab, sekolah, masjid, persatuan, sharikat, rumah-tangga dan sa-bagai-nya perlu-lah melengkapkan diri dengan sifat2 yang baik bagi mempastikan kejayaan yang baik lagi sempurna terhadap apa2 yang di-bawah pimpinan-nya. Peribahasa ada mengatakan: "Jika guru kenching berdiri, murid kenching berlari."

Dari itu wahai kaum muslimin, mari-lah kita berusaha memperbaiki diri kita dengan menanamkan sifat2 yang baik lagi terpuji khas-nya jika kita beroleh nekmat sa-bagai sa-orang pemimpin dalam apa jua lapangan sekali pun supaya segala tujuan kita akan mendatangkan hasil dan kejayaan yang baik lagi sempurna.

Dan mari-lah kita ambil pengajaran yang tersirat dari peristewa pembedahan dada Baginda Rasulullah sa-belum Isra' dan Me'raj itu bagi mengukohkan lagi persediaan2 yang di-perlukan untok menjadi pemimpin yang baik.




### PEMBETULAN

SETIA Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-jangka akan merasmikan peraduan membacha Al-Kor'an bagi saudara2 baru seluroh negeri yang akan berlangsong di-Pekan Bangar pada 31hb Mei BUKAN pada 30hb Mei, 1981 saperti yang tersiar dalam keluaran Pelita Brunei minggu lepas. — Pengarang.

# "AJARAN AL-KOR'AN ASAS KEBAHAGIAAN"

## Thema Pertandingan membacha Al-Kor'an tahun ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan membacha Al-Kor'an bahagian dewasa yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei di-perengkat pemilehan kawasan2 telah selesai di-adakan di-ke-empat2 daerah di-negeri ini. Dua perengkat pertandingan lagi akan di-adakan ia-itu perengkat sa-paroh akhir dan akhir.

Perengkat sa-paroh akhir akan di-adakan sa-lama dua hari berturut-turut ia-itu pada 1hb dan 2hb Jun bermula jam 8.00 pagi bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-batu 1½ Jalan Tutong.

Sa-ramai 20 orang qari dan 20 orang qariah yang terpileh dari ke-empat2 daerah di-jangka akan ikut bertanding.

Dari jumlah tersebut ha-nya empat qari dan empat qariah akan di-pileh untok memasoki pertandingan peringkat akhir sa-negeri.

Sementara pertandingan perengkat akhir sa-negeri di-jangka akan di-adakan pada 23hb dan 24hb Jun ia-itu dua malam berturut-turut bertempat di-tanah lapang berhadapan dengan Masjid Omar Ali Saifuddin. Majlis pertandingan itu akan di-siarkan sa-chara langsong melalui Radio dan Talivishen.

Peserta pertandingan perengkat akhir ini sa-ramai 10 orang ia-itu 5 orang qari dan 5 orang qariah termasok johan qari dan johan qariah negeri tahun lepas.

Peserta2 perengkat ini tidak lagi mewakili daerah2 sa-bagaimana tahun2 yang sudah. Ini ia-lah antara lain dari beberapa perubahan yang telah di-buat oleh pehak penganjor dalam menyelenggarakan pertandingan tahun ini.

Lihat muka 12

# Rezeki halal puncha di-kabolkan do'a

O Bingkisan minggu ini

DALAM menjalankan pekerjaan sa-hari2, Ugama Islam menggalakkan kita berusaha untok mendapatkan rezeki yang baik dan berseh dari segala perkara2 yang di-larang atau di-haramkan oleh Allah s.w.t. Sebab makanan atau minuman yang berseh dan halal itu menjadi puncha kebersehan jiwa dan tuboh badan manusia atau tegas-nya ia mempunyai pengaroh yang kuat terhadap pembentokkan dan perkembangan jasmani dan rohani sa-seorang itu. Ia akan membentok diri sa-seorang dalam ketaatan kapada Allah s.w.t. dan menjadikan-nya sentiasa patoh kapada perintah2 Allah.

## HAWA NAFSU

Bila berhadapan dengan tegahan dan larangan ugama, ia akan sentiasa ingatkan Allah dan dengan itu ia akan berhati-hati dan berjaga2 agar jangan sampai terlanjor melakukan-nya. Dan kaalu terlanjor pun sudah pasti ia akan segera menyesali diri-nya yang telah mensiasiakan larangan Allah dan tentu ia akan bertaubat dengan taubat nashuha.

Berbanding pula dengan orang yang makan minumnya berchampor-adok dengan perkara atau barang2 yang halal dan yang haram, tentu jiwa-nya lemah dan luntor, senang di-pengerohi oleh hawa nafsu dan hasutan shaitan, kerana dari mula lagi ia telah tidak memandang berat terhadap tata-hukum ugama yang telah di-tetapkan oleh Allah s.w.t.

Sifat2 orang yang sa-macham ini tentu sa-kali ia lupa bahawa sa-tiap apa jua jenis2 makanan atau minuman yang memasoki tuboh badan-nya itu akan menjadi darah daging di-dalam tuboh-nya, dan lama kelamaan yang sedikit akan menjadi banyak dan akhir-nya tiada beza lagi pada pandangan-nya tentang perkara yang halal dan haram.

Perkara sa-umpama ini-lah yang menyebabkan sa-seorang itu dengan mudah melakukan apa jua jenis dosa dan maksiat yang lain, yang barangkali lebeh berat lagi dari hanya sa-takat perkara halal dan haram dalam hal makan minum saja.

Orang yang berada di-dalam keadaan sa-rupa ini hidup-nya dalam bahaya, jika ia tidak segera kembali kapada jalan ugama dan membetulkan diri-nya sa-mula. Sebab di-khuatiri kelalaian-nya akan menarik-nya kapada mati dalam keadaan Suul-Khatimah (ia-itu mati dalam keadaan yang penoh seksa).

Daripada kedua-dua perbezaan antara manusia yang hidup-nya sa-mata2 memperjuangkan kesuchian dan kebersehan rezeki-nya dengan jalan yang halal dengan manusia yang suka menchampor-adokkan perkara2 yang halal dan haram, ia-lah puncha penilaian akan kemakbolan do'a sa-seorang hamba Allah itu. Kerana dalam perkara memohon do'a kapada Allah kita harus mensuchikan diri kita dari segala kekotoran dan membersehkan diri kita dari segala yang haram.

Sebab semua itu ada-lah puncha utama bagi terkabol-nya do'a kita kapada Allah. Kerana bagaimana Allah akan mengkabolkan do'a kita, pada hal rohani kita maseh kotor bergelombang dengan dosa, kebathinan kita maseh bersalaput dengan daki2 haram, dan darah daging kita mengalir di-dalam badan yang berpuncha dan tumboh dari sumber2 haram yang di-tegah oleh shariat Islam yang suchi.

## HADITH

Kerana itu dalam perkara ini, mari-lah kita sama2 mengamat-amati akan maksud sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Muslim, yang bermaksud kira2 : "*Dari Abu Hurairah (Radhiallahu Anhu) berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w. sa-sunggoh-nya Allah Ta'ala itu baik, Dia tidak menerima melainkan yang baik sahaja. Dan sa-sunggoh-nya Allah telah memerentahkan kaum mukminin sama sa-bagaimana DIA memerentahkan para Mursalin (para Rasul). Allah berfirman: Wahai para Rasul, makan-lah yang baik2 dan kerjakan-lah amalan yang saleh. Dan Allah berfirman lagi: Wahai orang2 yang beriman, makan-lah makanan yang baik yang KAMI berikan kapada kamu. Kemudian Baginda menyebutkan pula sa-orang lelaki yang telah belayar jauh, rambut-nya kusut, berdebu, mengangkat kedua belah tapak tangan-nya ka-langit memohon: Ya Tuhanku! Ya Tuhanku! Manakala makanan-nya dari yang haram, minuman-nya dari yang haram dan pakaian-nya dari yang haram, dan dia (perut-nya ) telah di-kenyangkan dengan yang haram. Alang-kah jauh sekali dia (do'a-nya) akan di-kabolkan.*"

# Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 27hb Mei, 1981 hingga ka-hari Selasa 2hb Jun, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini:—

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 27hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 28hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 29hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 30hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 31hb Mei | 12.23 | 3.42 | 6.34 | 7.46 | 4.36 | 4.51 | 6.06 |
| 1hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.05 |
| 2hb Jun | 12.25 | 3.45 | 6.35 | 7.47 | 4.37 | 4.52 | 6.05 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# SUAMI RAJIN BERIBADAT, ANAK ISTERI?

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

## SIRI KE-81

MASAALAH (1)

**Bagaimana hukum wang simpanan yang chukop nisab dan telah di-simpan bertahun2 tetapi hanya di-keluarkan sekali saja zakat-nya ?**

JAWAPAN :

Hendak-lah ia keluarkan zakat pada harta yang chukop nisab dan sampai haul-nya pada tiap2 haul sahingga harta itu sampai dari nisab. Tiada-lah memadai pada hal kurang ia chuma membayar sekali zakat untok beberapa tahun itu, kerana membayar zakat itu ada mempunyai sharat2, dan sharat2 itu hendak-lah di-ikuti, bukan ikut suka hati sendiri.

Dalam negeri Brunei nisab zakat wang ia-lah B$86.28, di-bayar zakatnya sa-banyak 2.5 peratus ia-itu kira2 $2.15 atau $2.16: yakni apabila telah di-simpan sa-tahun (mengikut kiraan tahun Hijrah) lama-nya sama ada di-rumah atau di-bank atau dihutangkan kapada orang, dan yang lebeh dari nisab di-kira mengikut hitongan-nya.

Ada-lah suatu dosa besar kalau tiada mengeluarkan zakat tanpa sasuatu keuzuran kerana ia menahan hak fakir miskin dan lain2 yang berhak pada zakat itu, dan menzalimi mereka dan kerana berchampor harta-nya dengan harta zakat yang bukan ia berhak pada-nya.

Dan zakat itu boleh di-katakan suatu ubat bagi meredakan penyakit merompak, menyamun, menchuri, menipu, rasuah dan mengambil harta orang dengan tiada izin tuan-nya. Dan dengan kerana zakat itu dikeluarkan akan bertambah2 aman dan sejahtera sa-suatu kumpolan hidup orang Islam di-mana2 mereka berada.

Oleh kerana zakat itu penting maka ia di-sebutkan banyak kali didalam Al-Kor'an bersama dengan sembahyang.

***Mengeluarkan zakat boleh meredakan penyakit dan lain2***

***Balasan seksa terhadap orang yg rajin beribadat tapi menchuaikan anak isteri-nya pada ta'at kapada Allah***

MASAALAH (2)

**Apa hukum-nya suami yang rajin beribadat tapi anak isteri-nya tidak di-ajarnya dan tidak di-suroh menunaikan kewajipan2 terhadap Allah ?**

JAWAPAN :

Allah s.w.t. ada berfirman di-dalam Al-Kor'an ayat 6 Surah At-Tahrim yang tafsir-nya: "Hai mereka yang beriman! Jaga-lah diri kamu dan ahli2 kamu (anak dan isteri serta hamba kamu) dengan berbuat ta'at kapada Allah — dari suatu api neraka yang sangat dahshat, kayu api-nya manusia yang kafir dan batu2 saperti batu berhala, pengawal api neraka itu malaikat yang garang yang kuat menjalankan sa-suatu perkara, mereka tiada derhaka kapada Allah pada apa yang mereka diperentahkan menjalankan-nya dan mereka mengerjakan apa sahaja yang di-perentahkan mereka mengerjakannya."

Itu-lah amaran Allah s.w.t. kapada orang2 mu'min yang menchuaikan perentah Allah dan itu-lah balasan orang rajin beribadat tetapi tidak mengajar anak isteri-nya akan ugama atau tiada menyuroh mereka belajar, atau menunaikan kewajipan terhadap Allah saperti sembahyang, puasa, menutop aurat dan lain2 perentah Allah. Jika demikian bayangkan-lah bagaimana pula balasan kapada orang yang memang tidak rajin beribadat dan menchuaikan anak isteri-nya pada ta'at kapada Allah Ta'ala, tentu lebeh dahshat.

Ada banyak lagi anchaman Allah Ta'ala dan Rasul-nya (sallallahu 'alaihi wassallam) terhadap kechuaian2 sa-demikian.

MASAALAH (3)

**Ada-kah makanan yang di-perbuat oleh orang2 bukan Islam saperti kichap dan belachan yang tidak di-ketahui chara2 ia di-buat itu di-hukumkan suchi pada hakikat-nya ?**

JAWAPAN :

Jika di-ketahui orang2 kafir itu menchamporkan benda2 najis saperti samsu atau sepirit ka-dalam roti dan kek, atau menchamporkan lemak babi ka-dalam biskut, atau menchamporkan tulang2 bakar ka-dalam ayer kichap bagi menambahkan sedap (menyedapkan) rasa kichap itu sa-bagaimana orang Melayu/Islam menchamporkan tulang lembu kadalam kichap yang mereka buat, atau belachan itu di-tijak dan dikenchingkan anjing dan babi ketika menchampor-nya, maka segala bahan makanan tersebut ia-itu roti, biskut, kek, kichap dan belachan sa-demikian itu telah kena najis, maka hukum-nya haram benda yang berchampor najis.

Ada pun jika tiada di-ketahui roti, biskut, kichap dan belachan itu berchampor dengan najis maka harus ia makan benda2 tersebut.

***Makanan yang tidak di-ketahui champoran-nya boleh di-makan***

## Pertandingan membacha Kor'an perengkat dewasa

Dari muka 11

Tujuan-nya ia-lah untok menggalakkan peningkatan mutu bachaan Al-Kor'an pada umom-nya, dan mengusahakan hanya peserta yang benar2 berkualiti masok ka-pertandingan akhir.

Sa-bagaimana lazim-nya majlis pembukaan rasmi pertandingan di-sempurnakan oleh pembesar2 negara dan orang2 kenamaan.

Pada tahun ini pembukaan rasmi-nya di-jangka akan di-sempurnakan o Yang Teramat Mulia duka Seri Duli Pengi Perdana Wazir Sahi Himmah Wal-Waqar ngiran Muda Moham Bolkiah.

Manakala Kebawah D li Yang Maha Mulia P duka Seri Baginda Sul dan Yang Dipertuan N ri Brunei di-jangka ak berkenan menganuge kan hadiah2 kapada pe pemenang dan pese yang mengambil baha di-hari penutop.





GAMBAR atas kelihatan sa-bahagian lagi para hadhirin, yang menyaksikan peraduan tersebut, sementara gambar kanan kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof ketika bersabda sejurus sa-belum merasmikan peraduan tersebut.





ut. (Dari atas kiri): Awg
Haji Salleh, AMDB dan Ak
g Haji Mashud bin Awang



YANG Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof juga telah sudi menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 dalam peraduan tersebut. (Atas); Yang Amat Mulia menyampaikan hadiah pasokan terbaik, AMDB, yang di-terima oleh Kaptan Mohd Jair bin Haji Abdul Wahab; (bawah kiri): Pemenang kedua, Awang Duraman bin Haji Salleh dan rakan, pemenang ketiga, Awang Suhaimi bin Haji Awang Damit.



GAMBAR kanan: Pengawal Pasokan Bomba, Awang Haji Yaccob, selaku Pengerusi Peraduan ketika menyampaikan uchapan.







# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## Mulai dari 27hb. Mei hingga 2hb. Jun 1981

### RABU

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Bertutor Bahasa Inggeris, dendang suria; 8.30 — Rimba Raya; 8.45 — Permintaan Pagi Rabu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 —Surat dari London; 10.30 — Autograph Pendengar; 11.00 — Taman Mekar (su); 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer (su). T/HARI : 12.00 — Rampaian Tengah Hari — Azan Fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG : 1.00 — Majallah Radio (su); 1.30 Persembaran Ku; 2.00 — Siaran berhenti rehat; 5.00 — Senandong Kanak-Kanak; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Siri Mukkaddam—Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM : Serbanika hiboran (su); 7.30 — Majallah Radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Untok Belia; 9.00 — Serbanika Persembahan; 9.30 — Chitra Irama (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah; 10.07 — Bachaan Ayat2 Suchi Al-Koran — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa Inggeris, dendang suria; 8.30 — Ruangan ketani (su); 9.00 — Dendang antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London (su); 10.30 — Permintaan sukaramai. T/HARI : 12.00 — Ira kenchana/Puspa irama — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Panduan sokan; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitrawara (su); 1.30 — Majallah radio (su). PETANG : Siaran berhenti rehat. 5.03 — Majallah Ugama/Petikan soal jawab ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 nasihat; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu magrib. MALAM : Bachaan surah yassin/Tahlil/Irama dawkah; 7.30 — Bimbingan Al-Koran — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun/Iban; 8.30 — Sandiwara radio (su); 9.00 — Tafsir Al-Koran; 9.30 — Hidayat; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Koran — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan — dendang suria — menyanyikan lagu Kebangsaan Brunei; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa Inggeris — dendang suria; 8.30 — Pertanian; 9.00 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.30 — Tafsir Al-Koran (su); 1.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan di-udara; 10.30 — Uji-lah bahasa awda; 11.00 — Bimbingan Al-Koran (su); 11.30 — Drama masharakat. T/HARI : 12.00 — Lagu dakwah; 12.15 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah/Lagu2 Melayu asli; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Rampaian dakwah/hiboran gazal. PETANG : 2.13—Membachakan susunan ranchangan; 2.15 — Varia peristewa 2.30 — Ruangan ketani (su); 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa pendapat awda/hiboran; 3.30 — Focus radio — Azan fardhu asar; 4.00 — Tunas pendidek (su); 4.30 — Langgam suara; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Ira kenchana/puspa irama (su); 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM : 7.00 — Cherpen dan selokan-nya (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (su); 9.00 — Bintang kechil/petikan dari filem (su); 9.30 — Majallah ugama/petikan soal jawab Ugama (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Koran; — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SABTU

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa Inggeris, dendang suria; 8.30 — Focus radio (su); 9.00 — Soalan di-udara; 9.15 — Hiboran; 9.30 — Pilehan pendengar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Varia peristewa (su); 10.30 — Rampai sari; 11.30 — Apa pendapat awda/hiboran (su). T/HARI : 12.00 — Tetamu minggu ini (su) — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Panduan sokan; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Majallah radio (su); 1.30 — Lagu2 dari filem; 1.45 — Rimba raya; PETANG : 2.00 — Permintaan hujong minggu; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Hiboran pilehan; 3.30 — Cherpen dan selokan-nya — Azan fardhu asar; 4.00 — Mutiara asli; 4.30 — Pelajaran dewasa di-udara (su); 5.00 — Irama gembira; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini — menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM : Rampaian dakwah/hiboran gazal; 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Langgam suara (su); 9.00 — Kenangan mengusik jiwa; 9.30 — Titian budaya (su); 9.45 — Irama keronchong; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Koran — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### AHAD

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan sokan — dendang suria; 8.15 — Mempelajarai Bahasa Inggeris; 8.30 — Majallah radio (su); 9.00 — Taman mekar; 9.30 — Dunia Wanita; 10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Doctor radio; 10.30 — Pop minggu ini; 11.00 — Titian budaya; 11.30 — Pancharagam tempatan. T/HARI : 12.00 — Sandiwara radio — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Panduan sokan; 12.32— Rampaian tengah hari; 12.45 1.00 — Permintaan dua station. PETANG : 2.00 — Membachakan susunan ranchangan; 20.02 — Bintang kechil/petikan dari filem; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari berpantun — Azan fardhu asar; 3.45 — Chitrawara; 4.30 — Sokan dan olahraga; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Sharikat kerjasama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 gazal; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini — menunaikan sembahyang fardhu maghrib. MALAM : Persembahan ku (su); 7.30 — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita— berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara parajurit; 9.30 — Permintaan lagu2 lama (60an); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Koran — Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### ISNIN

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan dan Negara; 6.03—Sinaran wahyu; 6.30—Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa Inggeris, dendang suria; 8.30 — Serbanika Hiboran (su); 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Pilehan pendengar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Sain dan perusahaan; 11.00 — Album penyanyi; 11.30 — Permintaan suka ramai. T/HARI : Komentar radio — Azan fardhu dzohor; 12.3 Rampaian joget; 12.33 — Panduan sokan; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1. — Majallah radio (su); 1.30 — Bin tanah ayer. PETANG : 2.00 — Siaran berhenti rehat. 5.00 — Hiboran pilehan; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 asli; 6.00 — Siri muk — Bingkisan hari ini — menunaikan sem yang maghrib. MALAM : 7.00 — Sha Kerjasama (su); 7.30 — Tunas pendidek — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Chitra Ira 9.00 — Pertanian (su); 9.30 — Mutiara (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengk Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.0 Bachaan ayat2 Suchi Al-Koran — Do'a re 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SELASA

PAGI : 6.00—Allah Peliha kan Sultan dan Nega 6.03—Sinaran wahyu; 6. Membachakan susunan ra changan, dendang suria; 7.00 — Tanda Wa dan Warta Berita, suntingan hidayah/pe ingatan harian; 7.15 — Bertutor Bahasa In geris — dendang suria; 8.30 — Suara pa jurit (su); 9.30 — Permintaan kaum wa 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10 — Rampaian London; 10.30 — Autogr pendengar (su); 11.00 — Dunia wanita 11.30 — Hiboran untok suri2 rumah tang 11.45 — Doctor radio (su). T/HARI : 12 — Hiboran tengah hari — Azan fardhu dzoh 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1 — Tetamu minggu ini; 1.30 — Ku Sampai Salam. PETANG : 2.00 — Siaran berhenti rehat; 5.00 — Lagu2 nasehat; 5.30 — Ta Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama se 6.00 — Siri mukkaddam — Bingkisan hari — menunaikan sambahyang fardhu magh MALAM : 7.00 — Album penyanyi (su); 7. — Majallah radio — Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — ber tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8. — Pancharagam tempatan; 9.00 — Drama ma sharakat (su); 9.30 — Uji-lah bahasa aw (su); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengka Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Korkan — Do'a re 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## From 27th May to 2nd June

### WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON : 12.00 — Lunch Break by Evelyn Samuel. PM : 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close isg Announcement — Mozart . Serenata Notterna Dvorak : New World Symphony; 8.45 — Indian Classical Music; 9.15 — News; 9.30 — Musical Miscellany — Chopin — Nocturnes op 62 No. 2 and op 71 No. 1 Bach : Harpsichord music Leider, sung by Fritz Wenderlich; 10.00 — Close Down.

### THURSDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON : 12.00 — Lunch Break by Ideris Ali. PM : 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement Hello Tomorrow; 8.30 — Perspective; 8.45 — The Big Band Sound; 9.15 — News; 9.30 — The New Swingle Singers — Prog 1; 10.00 — Close Down.

### FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Examined prog 50 (repeat); 11.15 — Strictly Instrumental; 11.30 — Children's Half Hour. NOON : 12.00 Three Ladies In Stereo produced by Jaafar Yaakub. PM : 12.30 — News; 12.45 — The Paramour Sound — 6/16; 1.15 — BBC Sports Magazines; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement — Three Ladies In Stereo (repeat); 8.30 — Dateline; 9.00 — International Money Programme; 9.15—News; 9.30 — String Sound; 10.00 — Close Down.

### SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Ladies at Eleven by Veronica Shim. NOON : 12.00 — Lunch Break PM : 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break (continued); 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—The Practical World; 8.15 — Hits In Germany; 8.45 — Two Away For No; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

### SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — We care for you by Idris Ali; 11.15 — BBC Beautiful Music; 11.30 — World of Books (repeat). NOON : 12.00 — Two Away For No. PM : 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Top of the P 1.30 — Close Down. Tajul's Student Ni 8.00 — Opening Announcement—Tell a T Competition produced by Veronica Shim; — School Band On Parade; 8.30 — Eng Examined programme 53; 8.45 — Sun Po by Gwen Goh and Sarah Watson; 9.00 — Questions Cool Replies; 9.15—News; 9.30 Science Pop; 10.00 — Close Down.

### MONDAY

AM : 6.58 — Ope Announcement; 7.00 World News (BBC Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Mu Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS lay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Ope Announcement—Ladies at Eleven by V nica Shim. NOON : 12.00 — Lunch B PM : 12.30 — News; 12.45 — Lunch B (continued); 1.30 — Close Down. 8.0 Opening Announcement — Theatre Fo Five : "The Violent Sun" by Hand F 8.45 — John Fox presents; 9.15 — N 9.30 — World of Books; 10.00 — Close Do

### TUESDAY

AM : 6.58 — Ope Announcement; 7.00 World News (BBC Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Mu Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS lay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Ope Announcement—Ladies at Eleven by V nica Shim. NOON : 12.00 — Lunch B PM : 12.30 — News; 12.45 — Lunch B (continued); 1.30 — Close Down. Ja'afar Music Night : 8.00 — Opening Ann ment — Just For You/Quiz; 8.30 — Spot with Collin Clark; 8.45 — Just For Quiz; 9.00 — Rock Line; 9.15 — Pop From Asia; 10.00 — Close Down.

## tisari RTB nggu ini

Talivishen Brunei berhak kar mana2 jua ranchangan kan perlu tanpa memberitahu hulu dan masa siaran ran- -lah sa-bagai panduan sahaja tidak-lah tepat sa-hingga n-nya melalui susunan ran-



DALAM ranchangan UJI-LAH BAHASA KITA minggu ini, awda pelajar akan dapat mengikuti perlawanan di-antara Sekolah Inggeris Perdana Wazir dari Belait bertemu Pusat Tingkatan Enam. Jika awda pelajar ingin tahu pasokan mana yang berjaya jangan lupa ikuti siaran Bahagian Melayu Radio Brunei pada hari Jumaat ini, 29hb Mei, 1981 jam 10.30 pagi. Ranchangan pendidekan ini di-usahakan bersama oleh Bahagian Melayu Radio Brunei dengan Jabatan Pelajaran Brunei.



# N MENULIS RAMA TV

**Skerip2 hendak-lah berkisar dari hari2 kebesaran sa-panjang tahun 1982**

k menu- ek yang udayaan ama ber- u2kan.

na hari2 g tahun

a ia-nya ntok ke- di-bawa

AWAL TAHUN HIJRAH 1403:
Sekali lagi skerip drama berchorak gamaan di-kehendaki sempena Tahun ah 1403.

HARI PELAJAR:
Sa-buah skerip drama mengenai pen- kan, pengajaran dan peranan ibu serta para guru dalam perkara2 berkaitan dengan pendidekan ada- juga di-perlukan.

anjang kesemua drama2 tersebut di- di-kehendaki sa-lama 45 minit da- masa siaran dan hendak-lah di-taip dua dengan menghantar dua sa- Ia-nya akan mengandongi antara uka dan 30 muka surat. Penulis2 ehkan menggunakan nama sama- atau nama benar, tetapi alamat -menyurat hendak-lah mengguna- nama sa-benar supaya senang di- gi.

Semua skerip ada-lah hasil karya dan bukan sadoran dari mana2 Ia-nya di-tegah dari menyentoh badi sa-seorang atau kumpolan sama sa-chara langsong atau tidak.

Penulis2 di-galakkan menghantar sa- apa banyak skerip drama TV yang latar belakangkan nilai2 keBruneian. erbit2 drama TV akan menghubongi ulis-nya jika terdapat sebarang per- han atau pindaan untok menyesuai- jalan cherita mengikut kehendak2 g di-padankan dari segi teknik peng- baran.

Tarikh tutop penerimaan skerip dra- TV ini ia-lah pada 26hb Nobember, 1 dan hendak-lah di-alamatkan ka- Ketua Bahagian Drama TV, Radio ivishen Brunei.

# RANCHANGAN TVP DARI 1HB HINGGA 7HB JUN

## ISNIN — 1HB JUN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 358
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN KUDA, DI-MANA TEMPAT-NYA, AMINAH, PA' LONG, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan GAMBAR DAN SEBUTAN, Che'gu Rokiah akan menggunakan huruf "s"

## SELASA — 2HB JUN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 359.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, TUNJOK BENDA, AMINAH, MENYANYI DENGAN GAYA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah 'Penunggu Sungai Kiambang.'

## RABU — 3HB JUN

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 15
Siri yang akan di-tuntun pada minggu ini ia-lah mengajar nama2 buah2an dan sayor2an dan beberapa perkataan2 yang bermula dengan huruf 'o'. Di-Owl Hut Owl, Bee Bee, dan Jay Jay menyanyi lagu 'Fruit and Vegetables'.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 5
(Reptilia)
Buaya dan biawak ada-lah binatang2 reptilia. Ular ada-lah binatang reptilia yang tidak mempunyai kaki. Bagaimana-kah ular boleh bergerak dari satu tempat ka-tempat lain ?
Pernah-kah kamu melihat ular bertelor dan juga melahirkan anak-nya hidup2 ?

10.30 KAP KAP UDANG 360.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, LUKISAN DARI RUMAH, AMIN, MAIN KUDA, MAIN BANG dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 360.

## KHAMIS — 4HB JUN

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 361.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti TUNJOK BENDA, PEKERJAAN SENDIRI, BERSENAM, AMIN, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.
Untok gambar dan sebutan Che'gu Rokiah akan menggunakan huruf a.

## JUMAAT — 5HB JUN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN KUDA, DI-MANA TEMPAT-NYA, AMINAH DAN KAWAN-NYA FATIMAH, PA' LONG, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan gambar dan sebutan, Che'gu Rokiah akan menggunakan huruf s.

## SABTU — 6HB JUN

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 362.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti RUANGAN BERLAKUN, TEKA-BENDA, MAIN BOLA, PAPAN HIKMAT, DI-MANA TEMPAT-NYA dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 362.

## AHAD — 7HB JUN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, KATA SI-MANIS, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.
Untok siri permulaan Che'gu Rokiah akan bercherita darihal berjenis2 sokan.

# UJIAN DAYA JASMANI MULA DI-LANCHARKAN




BANDAR SERI BEGAWAN. — Ujian Latehan Daya Jasmani ka-sekolah2 dan maktab2 telah di-lancharkan minggu lau.

Perasmian bagi ujian yang di-kendalikan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran itu telah di-laksanakan Khamis lalu oleh Pengerusi Majlis Pelajaran Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri, di-Pusat Belia di-sini.

Majlis tersebut telah di-hadhiri oleh pegawai2 kanan Jabatan Pelajaran dan guru2 latehan jasmani. Turut beruchap ia-lah Penyusun Pendidekan Latehan Jasmani Awg Haji Hussein bin Zainal.

## SIJIL2

Antara achara pada hari tersebut ia-lah penyampaian sijil2 kapada 26 orang guru2 kursus pendidekan jasmani yang telah menamatkan kursus permulaan jurulateh bolasepak dan kursus khas jimnastek yang telah menjalani kursus mereka dalam Oktober tahun lalu.

Satu pertunjokan latehan jasmani oleh penuntut2 Sekolah Menengah Melayu SMJA yang telah menjalani ujian daya latehan jasmani juga telah di-persembahkan.

Ujian daya jasmani telah mula di-jalankan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran akhir tahun lalu dan hingga kini lebeh daripada 10 ribu orang penuntut sekolah2 dan maktab2 telah menjalani-nya.

Di-samping untok melahirkan raayat yang sehat dan aktif, latehan daya jasmani ada-lah juga merupakan satu2-nya jalan untok mengkaji, menchatit serta menilai kesuboran rohani dan jasmani sa-tiap penuntut.



KELIHATAN salah sa-orang guru latehan jasmani Awang Bujang bin Awang Ajak yang telah menamatkan kursus permulaan jurulateh bolasepak sedang menerima sijil dari Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awg Haji Mohd Jamil Al-Sufri.



SATU daripada enam gaya latehan jasmani yang di-panggil bangkit tubi yang di-persembahkan oleh penuntut2 lelaki Sekolah Menengah Melayu SMJA.

# Brunei juara rugbi tiga wilayah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei telah memenangi perlawanan rugbi tiga wilayah sa-telah berjaya mengalahkan Sabah dengan 32 berbalas 4 mata dalam perlawanan akhir yang berlangsong di-Stadium Hassanal Bolkiah di-sini minggu lalu.

Pasokan Sabah yang merupakan juara pada tahun2 sa-belum-nya juga telah di-kalahkan oleh Pasokan Sarawak bertempat di-Padang Panaga Seria.

Kejuaraan yang di-jalankan sa-lama tiga hari itu ada-lah di-anjorkan sa-bagai salah satu projek tahunan Persekutuan Bolasepak Rugbi Brunei.

Dalam perlawanan di-Brunei telah mengalahkan hari pertama Pasokan Sarawak yang juga di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah di-Gadong.

# Perlawanan akhir Ping Pong Amatur Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN.—Perlawanan akhir Ping Pong anjoran Persatuan Ping Pong Amatur Brunei telah berlangsong di-Pusat Belia minggu lalu.

Empat peserta dalam bahagian perseorangan dan empat dalam bahagian bergu telah bertarong dalam perlawanan yang di-bahagikan kapada empat bahagian itu bagi merebut tiket pergi balek ka-Kuching yang di-hadiahkan kan oleh Sharikat Penerbangan Diraja Brunei.

Dalam bahagian perseorangan lelaki kejohanan-nya telah di-menangi oleh Lee Yun, kedua Ng Fook Khan dan ketiga Chai Nun Ngo. Manakala dalam bahagian perseorangan perempuan pula johan telah di-menangi oleh Kheng Kim Hong, kedua Kuang Chew Sin dan ketiga Soon Lai Tee.

## PERISAI

Di-samping menerima tiket penerbangan pergi balek ka-Kuching, johan dalam bahagian perseorangan perempuan juga menerima prisai rebutan yang di-sumbangkan oleh Gill & Sports.

Sementara itu dalam bahagian bergu pula, bahagian lelaki telah di-menangi oleh pasangan Ng Foo Khan dan Ng Foo Choon manakala bahagian perempuan telah di-menangi oleh pasangan Ngo Suk Hong dan Kuang Chiew Sin.

Perlawanan yang di-anjorkan sa-bagai salah satu aktiviti tahunan persatuan tersebut telah pun bermula pada bulan Disember tahun lalu dan telah di-sertai oleh 52 orang pemain dalam bahagian perseorangan dan 26 pasangan dalam bahagian bergu.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh wakil daripada Sharikat Penerbangan Diraja Brunei, Awang Maidin bin Tinggal.



SATU daripada perlawanan bergu dalam perlawanan tersebut.

# Lebeh 300 sertai semi-marathon

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh 300 orang telah menyertai achara lumba tahunan Semi-Marathon anjoran Persatuan Belia Sumbiling berlangsong di-sini minggu lalu.

Perlumbaan yang terbahagi kapada lima bahagian itu bermula dari Pekan Muara bagi peserta lelaki dan di-simpang Mentiri berdekatan dengan Pengkalan Sibabau bagi peserta perempuan. Kedua2-nya berakhir di-Pusat Belia.

Sa-banyak lima hadiah rebutan yang berupa piala di-samping tiket penerbangan pergi balek ka-Kota Kinabalu ada-lah merupakan hadiah2 yang menarek bagi pemenang di-perlumbaan tersebut.

## HADIAH

Piala sumbangan dari YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bagi peserta lelaki terbuka telah di-menangi oleh Awang Taib bin Md Salleh. Dia juga telah menerima tiket penerbangan pergi dan balek ka-Kota Kinabalu yang di-sumbangkan oleh pehak penganjor.

Dalam bahagian perempuan terbuka, perlumbaan telah di-menangi oleh Dk Masnah bte Pengiran Salleh dan telah berjaya merebut piala yang di-sumbangkan oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah di-samping menerima hadiah tiket pergi balek ka-Kota Kinabalu dari pehak penganjor.

Dalam bahagian lelaki veteran bagi memenangi piala rebutan dari Overseas Union Bank telah di-menangi oleh Awang A.P. Miller.

## BAHAGIAN LELAKI

Sementara itu dalam bahagian berkumpolan, Pasokan Bolkiah 'B' telah berjaya memenangi piala rebutan sumbangan dari YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris sa-telah memenangi perlumbaan dalam bahagian lelaki berkumpolan.

Dalam bahagian wanita berkumpolan pula telah di-menangi oleh Pasokan Tiba dan berjaya merebut piala yang di-sumbangkan oleh Kelab Rotary.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani.



PESERTA lelaki yang memulakan perlumbaan mereka di-Pekan Muara.

# *Achara2 dalam Pesta Sokan*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu lagi achara sokan yang di-jalankan sempena pelancharan pesta sokan tahun ini ia-lah Perlawanan Bulu Tangkis bagi belia yang berumor 20 tahun kebawah.

Perlawanan akhir bagi achara yang di-kelolakan oleh Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei itu telah berlangsong di-Pusat Belia di-sini minggu lalu.

## BERGU

Dalam pertemuan yang di-jalankan di-perengkat akhir tersebut sa-banyak empat perlawanan telah di-pertandingkan dalam mana bahagian lelaki perseorangan telah di-menangi oleh Tan Kun Young sa-telah menewaskan Sabtu Besar dengan kiraan 15—3 dan 15—11.

Pasangan Ak Azlan dan Jan Dze Hong merebut kejuaraan dalam bahagian lelaki bergu sa-telah berjaya mengalahkan pasangan Tan Koon Young dan Tan Koon Ann dengan hitongan mata 18—6 dan 15—7.

Dalam bahagian bergu perempuan pasangan Hang Moi Keng dan Siti Mariam Haji Jaafar telah menjadi johan sa-telah menewaskan pasangan Hamidah Daud dan Masnunah Mi-ddin dengan kiraan 15—3 dan 15—2.

Sementara itu dalam bahagian perseorangan perempuan pula Mang Moi Leng berjaya merebut kejuraan apabila menumpaskan Siti Mariam Haji Jaafar dengan kemenangan 11—3 dan 11—7.

Hadiah2 yang berupa pingat dari penganjor perlawanan telah di-sampaikan oleh Yang Dipertua Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei, Awang Haji Jaafar bin Md Daud.

Ada-lah di-fahamkan sejak bermula-nya perlawanan awal bulan ini sabanyak 49 peserta telah menyertai dalam bahagian perseorangan dan 13 orang dalam bahagian perseorangan perempuan.

## PEMAIN MUDA

Dalam bahagian bergu pula, bahagian lelaki telah di-sertai oleh 23 pasangan manakala 10 pasangan dalam bahagian perempuan.

Menurut sa-orang juruchakap penganjor di-samping memeriahkan lagi pesta yang di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan ia-nya ada-lah juga bertujuan untok menchari pemain2 muda yang berkebolehan untok di-berikan latehan bagi persediaan untok mewakili negeri ini di-sebarang perlawanan yang di-anjorkan di-luar negeri.

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## ANGGOTA ANGKATAN LAUT

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji pokok sa-banyak $500.00 sa-bulan dan alaun permakanan $186.00, jumlah $686.00.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dan akan menerima salah satu daripada tiga tangga gaji pokok bergantong kapada kelayakan masing2 saperti berikut sa-tahun sa-lepas tamat menjalani latehan asas sa-bagai rekrut :
   **'B' — $545.00 — $665.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $731.00 — $851.00**
   **'A' — $565.00 — $685.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $751.00 — $871.00**
   **'X' — $625.00 — $750.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $811.00 — $936.00**
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untok mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untok memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untok mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima alaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota pasokan saperti alaun menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri dan mendapat sokongan.





## Sa-bagai
## Pertukangan Jurutera
## Ahli Bomba
## dan Pancharagam

## SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan tergolong daripada salah satu dari tujoh puak jati Melayu : Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warganegara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi sharat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumor 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

**ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT**

Nama : ..........................................................

No. Kad Pengenalan : .......................... Warna : ..........................

Tarikh lahir : .......................... Tempat lahir : ..........................

Alamat : ..........................................................

..........................................................

Nama Warith : .......................... Tarikh lahir : ..........................

Hubongan : .......................... No. Kad Pengenalan : ..........................

Alamat Warith : ..........................................................

Nama Sekolah : ..........................................................

Tingkatan : ..........................................................

Kelulusan : ..........................................................

Kerjaya yang di-pileh : ..........................................................

No. Talipon : ..........................

Tarikh : .......................... ..........................

*Tandatangan*

## TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji pokok sa-banyak $500.00 sa-bulan dan alaun permakanan $186.00 jumlah $686.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latehan dan akan menerima gaji pokok $545.00–$665.00, alaun permakanan $186.00 jumlah $731.00–$851.00 sa-telah genap perkhidmatan sa-tahun sa-lepas tamat menjalani latehan asas sa-bagai rekrut.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima alaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri dan mendapat sokongan.



Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan di-adakan di-ke-empat2 daerah saperti yang di-umomkan melalui Radio dan Talivishen. Latehan bagi pengambilan yang akan datang ia-lah pada 7hb September, 1981

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada :

**PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN**
**PUSAT LATEHAN**
**ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI**
**PERKHEMAHAN BOLKIAH**
**BRUNEI**

**TALIPON No: 30531 Sambongan 01/02.**

# AMDB MEMPELAWA KERJAYA YG MENGGEMBIRAKAN SERTA MENGUNTONGKAN BAGI BELIAWANIS



PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei mempelawa beliawanis Brunei kerjaya yang menchabar, menguntongkan dan menggembirakan. Pasokan AMDB menjemput permohonan2 daripada chalun2 yang sesuai dan berkelayakan sa-bagai Pegawai2 yang Tidak Bertauliah di-dalam Pasokan.

Pasokan ini mempunyai berbagai2 pekerjaan yang bersesuaian dengan kebolehan dan minat sa-tiap Beliawanis. Kamu boleh memileh daripada bidang pekerjaan yang meluas termasok JURULATEH, PEMBANTU KERANI, GAJI DAN KEWANGAN, SETOR ACCOUNT, FITTER PERKAKAS2 SURVIVAL, PULIS, TUKANG MASAK, PEMANDU KERETA, PEMBANTU PERUBATAN/JURURAWAT, KERANI/PENOLONG KLINIK PERGIGIAN, PENGAWAS SETOR/JURUKIRA.

GAJI : Tangga gaji daripada $500.00–$810.00, tergantong kapada jenis pekerjaan dan pangkat yang di-sandang. Alaun permakanan sa-banyak $186.00 sa-bulan dibayar bila berkelayakan.

## SHARAT2 KEMASOKAN

Bagi memasoki kerjaya ini, mesti-lah memenohi perkara2yang berikut :

a. Sa-seorang itu mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan ada-lah tergolong daripada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu : BELAIT, BISAYAH, BRUNEI, DUSUN, KEDAYAN, MURUT dan TUTONG.

b. Atau jika tidak tergolong daripada tujoh puak jati Melayu, sa-orang itu mesti-lah berugama Islam, dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei dan ia-nya ada-lah sa-orang raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei mengikut dalam undang2 yang tertentu bagi warga negara Brunei.

c. Umor di-antara 18 hingga 28 tahun pada 21hb September 1981.

d. Taraf kelamin : Bujang.

e. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki.

f. Berat badan tidak kurang daripada 100lbs.

g. Lulus pemereksaan perubatan Tentera.

## KELAYAKAN2 AKADEMIK :

Lulus BJCE, mereka yang mempunyai kelulusan2 yang lebeh tinggi akan di-berikan keutamaan.

## LATEHAN :

Jika di-terima, akan menjalani latehan asas ketenteraan sa-lama enam minggu bertempat di-Perkhemahan Bolkiah, yang, mana akan melayakkan chalun2 di-dalam asas2 keahlian dan tata-tertib ketenteraan. Tergantong kapada chalun berjaya menamatkan latehan itu, chalun akan menjalani kursus Jurulateh sa-lama empat minggu lagi.

## PERMOHONAN2 :

Chalun2 mungkin akan mempunyai banyak lagi pertanyaan2 dan perkara2 untok di-perbinchangkan. Mengapa tidak di-hantar borang di-bawah ini, atau jika mahu, hubongi-lah Pejabat Pengambilan Pasokan, Perkhemahan Bolkiah di-waktu2 Pejabat dibuka bagi butir2 selanjut-nya. Ini terpulang-lah kapada kamu, dari itu BERTINDAK-LAH SEKARANG. ATAU kamu mungkin akan kehilangan peluang ke-emasan ini bagi memperolehi satu kerjaya yang baru dan menggembirakan yang mempunyai penoh chabaran serta menguntongkan.

## TARIKH TUTOP :

Permohonan2 tidak akan di-layani sa-lepas 30hb Jun 1981.

— — — — — — — — — — — — –Potong di-sini— — — — — — — — — — — — —

Kapada : **Pejabat Pengambilan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei**
**Perkhemahan Bolkiah**
**Bandar Seri Begawan**
**Talipon : 30531 Sambongan 01/02**

Saya berminat dalam kerjaya tentera sa-bagai ...............

Tulis-lah kapada saya atau panggil-lah saya untok di-temu-duga Talipon ...............

Nama : ...............

No. Kad Pengenalan : ............... Warna : ...............

Tarikh lahir : ............... Umor : ............... Keraayatan : ...............

Tinggi : ............... Berat badan : ............... Kelayakan2 akademik : ...............

...............

Alamat : ...............

...............

(Keputusan2 perpereksaan yang berkenaan hendak-lah di-sertakan bersama).

# Kenyataan tawaran

## TENDER NOTICE

### SUPPLY AND INSTALLATION OF WATER FILTRATION SYSTEM AT OUTPATIENT DEPT NEW GENERAL HOSPITAL, BRUNEI

REGISTERED specialist water filtration and ancillary equipment Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Water Filtration System for Hydrotherapy Pool at Outpatient Department, New General Hospital Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 and 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 22nd May 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of ... ments and drawing...

Tender must be ... on the provided Tender ... and must reach the ... the Chairman, Tender ... State Secretariat ... Bandar Seri Begawan ... not later than 12.00 ... 23rd June, 1981 ... received after the ... time will be rejected.

Tender shall be ... a plain sealed envelope ... ed : — TENDER FOR ... PLY AND INSTALL... OF WATER FILTR... SYSTEM AT OUTPA... DEPARTMENT, NEW ... ERAL HOSPITAL, BR...

Our clients, the Govern... of Brunei, do not bind ... selves to accept the ... any tender.

## ELECTRICAL DEPT TENDER NOTICES

### TENDER No. 25/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A', 'B' and 'C' up to 12.00 noon on Tuesday, 9th June, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 3 UNITS CLASS 'F' QUARTERS AT SINAUT AGRICULTURE TRAINING CENTRE

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR CLASS 'F' QUARTERS AT SINAUT TRAINING CENTRE".

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 26/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A', 'B' and 'C' up to 12.00 noon on Tuesday, 9th June, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR TELECOMMUNICATIONS TRAINING CENTRE AT OLD AIRPORT, BANDAR SERI BEGAWAN.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR TELECOMMUNICATIONS TRAINING CENTRE AT OLD AIRPORT, BANDAR SERI BEGAWAN,"

The tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### SERIAL No. 27/1981

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the ... the State Financial ... Government Offices, ... Seri Begawan, from Re... Grade A air condition... tractors up until 12.00 ... on Tuesday 16th June ...

AIR CONDITIONING INSTALLATION PHASE II OPERAT... BLOCK BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

2. Tenders received after stated time will be rej...

3. Tenders shall be ... in plain sealed envelope ... no indication of the te... name or address and ... marked 'Air Condition... stallation for Ope... Block, Brunei Intern... Airport, Brunei.'

4. The Form of Tender ... cluding specification and ... ing can be obtained from ... office of the Chief Ele... Engineer, Bandar Seri ... wan, Brunei.

5. The Tender depo... $300.00 shall be in the ... of a cheque refundable ... to all unsuccessful te... upon the receipt of a ... fide tender.

6. The Government do... bind itself to accept ... lowest or any tender.

### TENDER No. 29/19..

1. TENDERS will be re... by the Chairman of the ... ders Board at the off... the State Financial ... Ground Floor, Gove... Offices, Bandar Seri Be... Brunei from P.W.D. re... ed Class 'A' Contrac... to 12.00 noon on Tu... 9th June, 1981 for the ... lowing : —

CONSTRUCTION OF 66KV SUBSTATION AT PANAGA, SERIA — KUALA BEL...

2. Tender received after ... date will be rejected.

3. Tenders will be sub... in plain sealed envelopes ... ing no indication of the ... and address of the te... and shall be marked ... ly : —

"CONSTRUCTION ... 66KV SUBSTATION ... PANAGA, SERIA-K... LA BELAIT."

4. Tender documents ... obtained from the off... the Chief Electrical Eng... Bandar Seri Begawan.

5. Tender deposit of $... shall be in the form ... cheque refundable only ... unsuccessful tenderers ... the receipt of a bona ... tender.

6. The Government do... bind itself to accept the ... est or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN RADIO TALIVISHEN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-...awa daripada chalon2 yang ...layakan yang terdiri dari ...yat D.Y.M.M. Sultan un-... memenohi jawatan2 ko-... yong berikut di-Radio Ta...shen Brunei.

1. PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT I: (Bahagian Inggeris)

...layakan2 dan Pengalaman: ...lus pepereksaan Sijil 'Am ...jaran Perengkat biasa, ...asok bahasa Inggeris, ... yang sebanding dengan-... mempunyai sekurang2-... 5 tahun pengalaman ...m kerja2 menerbit dan ...yiarkan ranchangan2 ra-... dalam bahasa Inggeris. ...mohon2 mesti-lah mem-...yai suara yang baik me-... microphone.

PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT I: (Bahagian Melayu)

...layakan2 dan Pengalaman: ...lus pepereksaan Sijil 'Am ...ajaran Perengkat biasa, ...asok bahasa Melayu, ... yang sebanding dengan-... mempunyai sekurang2-... 5 tahun pengalaman ...m kerja2 menerbit dan ...yiarkan ranchangan2 ra-... dalam bahasa Melayu. ...mohon2 mesti-lah mem-...yai suara yang baik me-... microphone.

...C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 ...15-1260-1305 - 1350 - 1395 - ...45-1495-1545 - 1615 - 1685/ ...B / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT II: (Bahagian Melayu)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:** Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam kerja2 menerbit dan menyiarkan ranchangan2 radio dalam bahasa Melayu.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai suara yang baik melalui microphone.

PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT II: (Bahagian China)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:** Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya, dan Senior Middle Three Chinese. Mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam kerja2 menerbit dan menyiarkan ranchangan2 radio dalam bahasa China.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai suara yang baik melalui microphone.

Satu ujian akan di-adakan untok menentukan kesesuaian chalon2 untok jawatan2 ini.

**Tangga Gaji:** D. 4 EB. 5-6 — $980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175/ EB / 1200 - 1230 - 1260-1290 - 1320-1350 - 1380 - 1410. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PENOLONG SEKERIP:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:** Mempunyai kredit dalam mata-pelajaran Bahasa Melayu perengkat 'O' dan berpengalaman sa-lama tiga tahun dalam bidang penulisan renchana. Chalon2 yang mempunyai kelulusan pelajaran yang rendah dari ini tetapi mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman bekerja dengan sa-sebuah akhbar, majallah atau pertubohan penyiaran (radio/tv) boleh juga di-pertimbangkan.

**Tugas2:** Tugas2 ia-lah menulis sekerip2 untok ranchangan2 radio terutama sekerip2 penerangan yang berchorak majallah atau drama. Pengetahuan mengenai hal ehwal sa-masa ada-lah sangat berguna.

**Tangga Gaji:** C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. KAKITANGAN PENTAS:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:** Pemohon2 mesti-lah terdiri dari kaum lelaki berumor antara 20 hingga 40 tahun dan lulus Darjah IV Melayu dan Tingkatan III Inggeris.

**Tugas2:** Tugas2 jawatan ini termasok-lah menyediakan alat2 kelengkapan pemandangan untok studio atau pun di-tempat2 siaran luar dan penggambaran filem di-jalankan. Tugas2 lain termasok menyimpan alat2 kelengkapan dan harta-benda studio dan membuat tugas2 dalam studio saperti yang di-arahkan. Chalon2 yang berjaya akan bertanggong-jawab kapada Pereka Kanan.

**Tangga Gaji:** E.2-3 EB.4 — $470-485-500-515-530-545-560-575-590-605 / EB/620-630-645-660-680-700. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

5. PEGAWAI FOTO:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:** Kelulusan akademik sekurang2-nya SRP/LCE dan mempunyai 3 tahun pengalaman dalam bidang fotografi. Kebolehan yang luar biasa dalam beberapa jurusan penggambaran saperti portriat, close-up, micro, copying dan kerja2 memproses dan printing ada-lah di-utamakan.

Chalon2 hendak-lah menyertakan bersama permohonan mereka 4 keping hitam puteh atau berwarna berukoran 12° x 15" atau 4 keping slide warna sa-bagai chontoh hasil kerja pemohon itu sendiri.

**Tangga Gaji:** D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260 - 1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

6. PENOLONG PERSEMBAHAN2 JUNIOR:

**Kelayakan2 dan Pengalaman** Lulus Tingkatan Lima aliran Inggeris. Chergas pada pemikiran dan mempunyai minat yang chergas dalam ranchangan Talivishen.

**Tugas2:** Membantu dalam persembahan perkhidmatan Talivishen betugas dengan alat Vision Mixer dan alat2 bilek Master Control.

**Tangga Gaji:** D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

**Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.**

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Jun, 1981.

(E/820/73—Bil: 79/1981)

### TENDER NOTICE

**TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED SECURITY DOG UNIT COMPLEX AT KAMPONG SUNGAI AKAR**

... TENDERS will be received ... the Chairman, Tenders ...rd at the office of the State ...ancial Officer, Ground ...or, Secretariat Building, ...dar Seri Begawan, Brunei ... Registered Class 'A' ...ctrical Contractors up to ...0 noon 9th June 1981.

... Tenders received after the ...ulated time will be re...ted.

... Tenders must be submit... in sealed envelopes bear... no indication of the name ...the tenderers and shall be ...rked clearly "TENDER ...R ELECTRICAL IN...ALLATION FOR PRO...SED SECURITY DOG ...IT COMPLEX AT KAM...NG SUNGAI AKAR".

... Tender documents may be ...ined from the office of ...rs Brisma International ...sultants, Block F12, Seri ...asek, Seri Complex, 1½ ... Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 13th May 1981 onwards during normal office hours.

5. The Tender Deposit shall be $500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Electrical Contractor.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

**TENDER FOR INSTRUMENTATION AND ...ISCELLANEOUS M&E WORKS FOR PROPOSED ...ENANJONG CANTONMENT — WATER SUPPLY**

... TENDERS will be received ... the Chairman, Tenders ...d at the office of the ... Financial Officer, ...nd Floor, Secretariat ...ing, Bandar Seri Bega... Brunei from Specialist ...actor up to 12.00 noon, ... June 1981.

... Tenders received after the ...ated time will be re...ted.

... Tenders must be submit... sealed envelopes bear... indication of the ten...ers and shall be marked ... "TENDER FOR ...STRUMENTATION AND ...SCELLANEOUS M&E ...ORKS FOR PROPOSED ...ANJONG CANTON...ENT—WATER SUPPLY".

... Tender documents may be ...ined from the office of ... Associated Consult... Pte. Ltd., Block F11-12, ... Temasek, Seri Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei 20th May 1981 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundreds only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Specialist Contractors.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

**SERIAL No. 8/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas A sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 2hb Jun, 1981 bagi:—

EXTENSION TO BRANCH SEWERS, CONNECTIONS TO GOVERNMENT QUARTERS AND ANCILLARY WORKS AT KUALA BELAIT AND SERIA.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. 8/1981**

TENDERS will be received from Class A only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for:—

EXTENSION TO BRANCH SEWERS, CONNECTIONS TO GOVERNMENT QUARTERS AND ANCILLARY WORKS AT KUALA BELAIT AND SERIA.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

### KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN ada-lah di-pelawa bagai menchetak "Tata-raayat Darussalam," Buku 2 untok Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1 Penentuan2 (specifications) mengenai buku ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

2 Tawaran hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat tertutop dengan perkataan2 TAWARAN MENCHETAK TATARA'AYAT DARUSSALAM di-bahagian atas sebelah kiri. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pejabat Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

tidak lewat dari hari Isnin, 8hb Jun, 1981.

3 Kerajaan tidak terikat kapada mana-mana tawaran2 atau kapada tawaran yang paling rendah.

### TENDER NOTICE

**PROPOSED HANGAR PHASE III (CAR PARKS, REINFORCED CONCRETE WATER STORAGE TANK, PEDESTRIAN BRIDGE, GUARD HOUSE, TARMAC SHOULDER TO APRON AND TAXIWAY, MECHANICAL, ELECTRICAL AND MISCELLANEOUS WORKS) AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class 'A' Contractors for the construction and completion of the above works up to 12.00 noon, on the 9th June, 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes provided, bearing no indication of the tenderer's name and shall be marked:—

PROPOSED HANGAR — PHASE III AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.

4. Drawings and Bills of Quantities may be obtained from the office of Bolton Hennessey Private Limited, 146B Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei from the 13th May, 1981 during normal office hours, upon the payment of the tender deposit of $1,000.00 in the form of a bank draft or cheque made payable to the Government of Brunei.

No tender documents will be issued after the 30th May, 1981.

5. The Tender Deposit will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the tender documents to the Engineers before the closing date.

6. Prior to the issue of the tender documents, each tenderer will be required to:—

a) produce documentary evidence that he is a P.W.D. registered Class 'A' Contractor.
b) produce documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of the Financial Guarantee.
c) produce a letter from his bank (the said bank being a well-known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted, the said bank will furnish him with a banker's guarantee equivalent to 10% of the contract sum in accordance with the condition of the contract.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JUALAN LELONG

Ada-lah dengan ini di-beri Notis ia-itu jualan lelong barang2 yang tersebut di-dalam Jadual di-bawah akan di-adakan pada 3hb Jun, 1981.

Lelongan ini ada-lah bersharat berikut:—

1. Pembeli yang berjaya hendak-lah membayar dengan wang tunai dan memindahkan barang2 yang di-beli-nya tidak lewat dalam 7 hari dari hari perlelongan.
2. Pembeli yang berjaya hendak-lah juga membayar chukai kastam jika perlu.
3. Apa2 barang yang telah di-beli tetapi tidak di-pindahkan dalam tempoh 7 hari tersebut akan di-rampas kembali dan di-jual semula.

JADUAL

| Bil. | Butir2 Keterangan Benda | Tempat Lelong | Tarikh dan Masa Lelong |
|---|---|---|---|
| 1. | BG. 1741 Land Rover LWB | Di-Boatshed, Jabatan Ukor, Jalan Berakas, Brunei. | 3hb Jun, 1981 jam 9.30 pagi |
| 2. | BG.2307 Land Rover<br>BG.2305 — do —<br>BG.2376 — do — | Di-kawasan Ibu Pejabat Pulis, Gadong, Brunei. | 3hb Jun, 1981 jam 10.00 pagi |

## PUBLIC AUCTION

Notice is hereby given that a public auction of the under mentioned items of goods specified on the Schedule will be held on 3rd June, 1981.

The sale will be subject to the following conditions:—

1. The successful bidder will be required to pay cash and remove the goods from the site not later than seven days after the auction.
2. The successful bidder will also be required to pay Customs duty wherever applicable.
3. Any items of goods bought but not removed within this period of seven days will be forfeited resold.

SCHEDULE

| No. | Description of Articles | Place of Auction Sale | Time and Date of Auction Sale |
|---|---|---|---|
| 1. | BG. 1741 Land Rover LWB | At the Compound of the Boatshed, Survey Department, Jalan Berakas, Brunei. | 3rd June, 1981 at 9.30 a.m. |
| 2. | BG.2307 Land Rover<br>BG.2305 — do —<br>BG.2376 — do — | At the Compound of the Police Headquarters, Gadong, Brunei. | 3rd June, 1981 at 10.00 a.m. |

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERIKANAN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perikanan, Brunei.

1. PEGAWAI KANAN MELISEN PERIKANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan yang luas mengenai alat2 moden dan tradisional bagi menangkap ikan dan mengenai industri perikanan. Pemohon2 mesti-lah juga mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama tiga tahun sa-bagai Pegawai Melisen Perikanan dan telah menunjokkan kechekapan dan kebolehan ketika memegang jawatan tersebut. Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II dan mesti-lah boleh bertutor dan menulis dalam bahasa Inggeris.

**Tugas2 :**

Pemohon yang berjaya akan di-kehendaki :—

a) Mengetuai Bahagian Perangkaan dan Penguat-kuasa Undang2.
b) Bagi menentukan yang sharat2 Undang2 Perikanan ada-lah di-jalankan.
c) Menyusun data perangkaan dan menyediakan laporan.
d) Menjalankan kerja2 pengembangan.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1305 - 1350 - 1395-1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980.

2. NELAYAN KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berjaya menamatkan sa-suatu kursus bagi nelayan di-salah sa-buah institiut yang di-iktiraf dan mempunyai pengalaman sa-lama sekurang2-nya satu tahun bekerja di-dalam kapal penyelidek perikanan atau kapal menangkap ikan yang besar-nya tidak kurang dari 200 HP. Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 di-atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 3 tahun bekerja di-dalam kapal penyelidek atau kapal menangkap ikan yang besar-nya tidak kurang dari 200 HP akan juga di-pertimbangkan. Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II dan kebolehan bertutor dan membacha dalam bahasa Inggeris ada-lah satu kelebehan.

**Tugas2 :**

Pemohon yang berjaya akan membantu Ketua Nelayan dalam menjalankan dan membuat kerja2 harian Kapal Penyelidek dan Latehan Perikanan.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

3. NELAYAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah sa-baik2-nya berumor di-bawah 40 tahun dan hendak-lah mempunyai pengalaman menangkap ikan dan ilmu pelayaran di-dalam kapal Penyelidek dan Latehan. Pemohon2 mesti-lah juga mempunyai kemahuan yang kuat untok belajar chara2 menggunakan perkakas dan teknik2 menangkap ikan yang moden.

**Tugas2 :**

Bekerja dalam kapal Penyelidek dan Latehan K/P Lumba-Lumba sa-bagai nelayan dan menjalankan tugas2 sa-bagaimana yang di-arahkan oleh Ketua Kapal tersebut. Salah satu dari jawatan tersebut akan di-penohi oleh sa-orang Tukang Masak/Nelayan yang akan bertanggong-jawab untok memasak apa-bila kapal tersebut belayar di-laut. Semasa kapal tersebut tidak belayar, nelayan2 tersebut akan di-tugaskan memperbaiki pukat2 dan menjalankan lain2 tugas yang bersangkut paut dengan perjalanan kapal tersebut sa-bagaimana yang di-arahkan.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Jun, 1981.

(E/668/81—Bil: 77/1981)

## TENDER NOTICE

**SUPPLY & INSTALLATION OF WATER TREATMENT SYSTEM FOR HAEMODIALYSIS UNITS, WBG, NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BRUNEI**

SPECIALIST Contractors for the above are invited to submit tender for the complete supply and installation of Water Treatment System for Haemodialysis Units, WBG, New General Hospital at Kiulap, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers No. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Miles 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 29th May, 1981 on wards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the forms of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form together with the Bills of Quantities and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 30th June, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:— TENDER FOR SUPPLY AND INSTALLATION OF WATER TREATMENT SYSTEM FOR HAEMODIALYSIS UNITS, WBG, NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. **TENDER No. SES/72/81**
   **CATEGORIES 4 & 32**
   Repairing Fendering at Kuala Belait River Ferry.
2. **TENDER No. EPS/89/81**
   **CATEGORY 2**
   Construction of site office and store building at New Refinery, Seria.
3. **TENDER No. LEN/107/81**
   **CATEGORY 16**
   Painting services for engineering section at the LNG Plant.
4. **TENDER No. EPS/108/81**
   **CATEGORIES 9 & 32**
   Construction and installation of expansion loops for the 35 psi gasline running from Lg 10B to Lg Tengah along Jalan Tengah, Seria.
5. **TENDER No. EPS/110/81**
   **CATEGORIES 9 & 32**
   To re-locate eleven existing flowlines 4" to 2" for the New Main Access Road to Roxana Facilities at Lg 10 Barat, Seria.
6. **TENDER No. EPS/111/81**
   **CATEGORIES 9 & 32**
   Replacement of existing 6" Industrial Water Supply Lines from Lg 5B to Lg 14B, along Jalan Tengah, Seria.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## Di-Bahagian Penerangan Pejabat Setia Usaha K'jaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

1. PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 bagi jawatan ini hendak-lah mempunyai Higher National Diploma (HND) dalam jurusan Mass Communication atau mempunyai Diploma in Tourism.
b) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-atas tetapi berkhidmat sekurang2-nya sa-lama tiga tahun dalam jawatan Pegawai Luar Kanan (Penerangan); atau jawatan Pegawai Ranchangan Tingkatan I (Radio); atau jawatan Pembantu Kanan Perkembangan Ugama; boleh di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**

C. 2-3 EB. 4 — $1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545 - 1615-1735 - 1795 - 1855 - 1915 - 1980 / EB / 2035 - 2095 - 2155-2215-2280.

2. PEGAWAI LUAR KANAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 yang berumor tidak kurang dari 18 tahun serta mempunyai Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya. Chalon2 yang mempunyai kelulusan yang rendah tetapi mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam tugas2 Pegawai Luar sa-lama lebeh dari lima tahun ada-lah juga di-pertimbangkan.

'Am :

Bersedia untok bertugas di-daerah2 dan kampong2 pendalaman.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155-1215-1260 - 1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495 - 1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735 - 1795 - 1855 - 1915-1980.

3. PEMANDU MOTOR SANGKUT:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Umor antara 25 hingga 40 tahun.
b) Boleh membaiki kerosakan kechil.
c) Berpengalaman sekurang2-nya dua tahun memandu ulang-alek ka-Temburong.

**Tugas2 :**

Chalon yang berjaya akan di-kehendaki memandu di-samping memelihara motor sangkut Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

**Tangga Gaji :**

F. 2-3-4-5 EB.6 — $390-400-410-420-430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-650/ EB/570-580-590-600-610-620.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Pe khidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah d hantar dalam dua sal borang yang boleh di-dap daripada Jabatan Perjawat Brunei dan hendak-lah kembalikan bersama2 deng salinan surat2 akuan d sijil2 tidak lewat dari 20 Jun, 1981.

(E/681/78 — Bil: 78/1981)

## TENDER NOTICE

**BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT**
**PILES AND PILE CAPS FOR THE TEMPORARY CARGO BUILDING**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Contractors Class "A" only up to 12.00 noon Tuesday 9th June 1981 for the :— CONSTRUCTION OF PILES AND PILE CAPS FOR THE TEMPORARY CARGO BUILDING AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT.
2. Tenders received after 12.00 noon, Tuesday 9th June 1981 will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelopes marked "TENDER FOR CONSTRUCTION OF PILES AND PILE CAPS FOR THE TEMPORARY CARGO BUILDING AT BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT."
4. Tender Documents may be examined at and obtained from the office of Murray Ward & Partners, Flat A4, Dayang Besar Flats, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan at any time during normal office hours.
5. The Tender Deposit shall be $500.00 which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide Tender and the return of tender documents and drawings.
6. Tenders shall be submitted only on the Tender-Forms provided.
7. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

**No. 52 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for :—

PROPOSED TWO STORY SCHOOL BUILDING FOR KAMPONG SABA DARAT 'B' AT KAMPONG AYER BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 53 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for :—

PROPOSED 4 UNITS STANDARD CLASS 'C' QUARTERS FOR SECURITY GUARDS AT MILE 3 JALAN BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 54 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for :—

PROPOSED TEN ADDITIONAL CLASSROOMS FOR B.T.T.C. GADONG, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 55 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for :—

THE CONSTRUCTION OF DRAINAGE SYSTEM AND FOOT PATH FOR ACCESS ROAD TO ISTANA DARUL-HANA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 56 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd June, 1981 for :—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO ACCESS ROAD TO JERUDONG POLO FIELD FROM JALAN JERUDONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 57 OF 1981**

TENDERS will be rece from Class "B" and ab P.W.D. Brunei registered tractors by Tenders B Brunei up to 12.00 noo 2nd June, 1981 for :—

THE SUPPLY AND D LIVERY OF CRUSHE RUN STONES TO A CESS ROAD TO R PEATER STATION, O COASTAL ROAD, J RUDONG, BRUNEI.

Tender documents and particulars may be seen at office of Public Works Dep ment, Bandar Seri Begaw Brunei.

**No. 58 OF 1981**

TENDERS will be rece from Class "AX" and ab P.W.D. Brunei registered tractors by Tenders Bo Brunei up to 12.00 noon 2nd June, 1981 for :—

THE SUPPLY AND DE LIVERY OF CRUSHE RUN STONES TO JA LAN SEMBATANG SAN TOL, TUTONG DI TRICT.

Tender documents and particulars may be seen at office of Public Works Dep ment, Bandar Seri Begaw Brunei.

**No. 59 OF 1981**

TENDERS will be rece from Class "B" and ab P.W.D. Brunei registered tractors by Tenders Bo Brunei up to 12.00 noon 9th June, 1981 for :—

THE SUPPLY AND DE LIVERY OF CRUSHE RUN STONES TO JA LAN KOTA BATU BRUNEI.

Tender documents and particulars may be seen at office of Public Works Dep ment, Bandar Seri Begaw Brunei.

**No. 60 OF 1981**

TENDERS will be rece from Class "B" and ab P.W.D. Brunei registered tractors by Tenders Boa Brunei up to 12.00 noon 9th June, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF FT. HIGH P.V.S. COAT ED CHAIN LINK FENCE AND GATES TO CEME TERY AT HALANGAN BESAR, DAMIT AND HUJONG, BRUNEI.

Tender documents and particulars may be seen at office of Public Works Dep ment, Bandar Seri Begaw Brunei.

**No. 61 OF 1981**

TENDERS will be receive from Class "B" and abov P.W.D. Brunei registered co tractors by Tenders Boar Brunei up to 12.00 noon 9th June, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF FT. HIGH P.V.C. COAT ED CHAIN LINK FENC AND GATES TO CEME TERY AT HUJONG MAKAM DIRAJA, BRU NEI.

Tender documents and particulars may be seen at office of Public Works Dep ment, Bandar Seri Begaw Brunei.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

1. STEWARD RUMAH SAKIT : (di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan).

**Umor :**

Di-antara 18 hingga 25 tahun.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus kurang2-nya Tingkatan III Inggeris dan berpengalaman dalam masak memasak saperti masakan tempatan dan permakanan barat.

Pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang mempunyai pengalaman dalam pengurusan kaki-tangan serta mahir menguruskan permakanan Rumah Sakit, menyediakan permakanan pesakit2 dan urusan dapor akan di-beri keutamaan.

**Tangga Gaji :**

D. 3-4 EB. 5—$720-755-790-825-860-900-980 - 1010 - 1040-1070-1105-1140 - 1175 / E B / 1200-1230-1260-1290.

2. PEMBANTU BILEK GELAP : (Dewan Bahasa dan Pustaka).

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mempunyai kelulusan tiga mata-pelajaran Perengkat 'O' (termasok mata-pelajaran bahasa Melayu) dalam Sijil 'Am Pelajaran;
b) Berpengalaman sa-bagai jurugambar ATAU memproses filem.

**Tangga Gaji :**

D. 1 EB. 2 — $425-440-455-470-485-500/EB/515-535-555-580-605-630-655.

3. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKATAN II :

(Setia Usaha Kerajaan Bahagian Sukatan dan Timbangan).

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah pandai memandu motor sangkut serta berkemahiran dalam soal membaiki jentera motor sangkut yang kerosakan2 kechil.
b) Pemohon2 mesti-lah sanggup berkhidmat di-mana2 sahaja mereka di-tugaskan bekerja di-dalam negeri ini.
c) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 25 tahun hingga 40 tahun.
d) Keutamaan akan di-beri kapada pemandu motor sangkut bergaji hari di-Bahagian Sukatan dan Timbangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

**Tangga Gaji :**

F. 2-3-4 EB. 5 — $390-400-410-420-430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

4. TUKANG KAYU : (Jabatan Kehutanan).

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV Melayu dan mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sa-bagai Tukang Kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebeh rendah tetapi mempunyai berapa tahun pengalaman sa-bagai Tukang Kayu akan juga di-pertimbangkan.

Pemohon2 mesti-lah boleh : —

a) Menyediakan pelan2 yang senang dan rengkas serta membuat kerja2 itu.
b) Menyediakan taksiran kayu dan barang2 yang diperlukan untok (a) di-atas.

**'Am :**

Permohonan2 yang berjaya akan bertugas di-Balai Pemereksaan Barang2 Hutan di-Sungai Liang. Rumah dan kenderaan tidak di-sediakan.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb Jun, 1981.

(E/26/75 — Bil : 74/1981)

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED EXTENSION TO ADMIN BLOCK, POLICE HEADQUARTERS, JALAN GADONG, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Airconditioning Contractors up to 12.00 noon 9th June 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR AIRCONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED EXTENSION TO ADMIN BLOCK, POLICE HEADQUARTERS, JALAN GADONG, BRUNEI.

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Block F12 Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ M.S., Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 13th May 1981 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundreds only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Airconditioning Contractor.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### PREQUALIFICATION NOTICE
### STATE OF BRUNEI
### PREQUALIFICATION TO TENDER
### COASTAL PROTECTION WORKS AT PELOMPONG SPIT, MUARA, BRUNEI

THE GOVERNMENT of Brunei intends to invite tenders for Coastal Protection Works along 4 kilometres of the northern beaches of Pelompong Spit, Muara.

This project will include :

a) Construction of headland protection works at various designated locations

b) Dredging and placing of about 600,000 cu meters of sandfill.

Interested contractors, who wish to be considered for prequalification, are required to submit the following information:

a) Experience of the firm on similar projects, furnishing sufficient details of such projects undertaken including description, client, timing and costs.

b) Capabilities with respect to technical management and support personnel, plant and equipment.

c) Financial position with adequate information to be furnished including the firm's certified accounts for the past 3 years.

4. The interested contractor is required to pay a tender deposit of B$2,000, made payable to the Government of Brunei, and such payment is to be handed over to either of the following, before collecting the 'Prequalification to Tender' documents, from 22nd May, 1981.

a) The Quantity Surveying Section
Singapore Engineering and Consultancy Service Pte Ltd.
2nd Floor, Engineering Service Building
Maritime Square, Telok Blangah Road
Singapore 0409

b) The Resident Engineer's Office,
Signal Section
Jalan Pelompong, Muara, Brunei

The closing date for the above submissions is 12.00 noon on 30th May, 1981.

5. The Government of Brunei is not bound itself to accept any submission and all expenses incurred in this prequalification exercise will be borne by the contractors.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN ada-lah di-pelawa bagi menchetak antoloji sajak "Pakatan" untok Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. Penentuan2 (specifications) mengenai buku ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

2. Tawaran hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat tertutop dengan perkataan TAWARAN MENCHETAK PAKATAN di-bahagian atas sebelah kiri. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran
d/a Pejabat Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

tidak lewat dari hari Isnin, 8hb Jun, 1981.

3. Kerajaan tidak terikat kapada mana2 tawaran2 atau kapada tawaran yang paling rendah.

## STATE STORES AND SUPPLIES DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 22/81

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Tuesday, 9th June, 1981 for the supply of the undermentioned Gibault Joint.

CAST IRON GIBAULT JOINT C/W BOLT AND NUT AND RUBBER RING SUITABLE TO USE WITH A.C. PIPE CLASS B AND C — TO BS 486/56.

Details regarding requirements for the above Gibault Joint are obtainable from the office of the Controller of Government Stores, Jalan Gadong, Brunei during office hours.

## TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED SERGEANTS MESS 1 — PENANJONG CANTONMENT

REGISTERED Class A Electrical Contractors Registered with the Brunei Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Services to Proposed Sergeants Mess 1—Penanjong Cantonment.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg. Seri Complex, Mile 1½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 21st May, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona-fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 16th June, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED SERGEANTS MESS 1—PENANJONG CANTONMENT.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### SUPPLY AND INSTALLATION OF WATER FILTRATION SYSTEM TO SPORTS COMPLEX, NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BRUNEI

SPECIALIST Contractors for the above are invited to submit tender for the complete supply and installation of Water Filtration System to Sports Complex, New General Hospital at Kiulap, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 and 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1½ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 29th May, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form together with the Bills of Quantities and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 30th June, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR SUPPLY AND INSTALLATION OF WATER FILTRATION SYSTEM TO SPORTS COMPLEX, NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## MEMBUAT JAMBATAN KAYU DI-SUNGAI MAU, BUKIT SAWAT, DAERAH BELAIT

1. TAWARAN2 ada-lah di-pelawa bagi membuat sa-buah jambatan kayu baru untok menyeberang Sungai Mau di-Jalan Kechil Bukit Sawat bagi Pejabat Daerah Belait.

2. Tawaran2 hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampul surat yang bertutop dengan tidak menaroh tanda yang boleh mengenalkan nama penawar.

3. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat jam 12.00 tengah hari 28hb Mei, 1981. Di-atas sampul surat tersebut hendak-lah di-nyatakan dengan terang "TAWARAN MEMBUAT JAMBATAN KAYU DI-SUNGAI MAU, BUKIT SAWAT, DAERAH BELAIT."

4. Keterangan lanjut mengenai dengan perkara ini boleh di-dapati daripada Pejabat Daerah Brunei pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.

5. Tawaran2 yang di-terima lewat dari tarikh dan masa yang telah di-tetapkan atau yang di-alamatkan dengan tidak betul, tidak akan di-layan.

6. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## JABATAN TALIKOM BRUNEI KENYATAAN TAWARAN

1. TAWARAN ada-lah di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, Sabtu 30hb Mei 1981.

2. Tawaran2 yang di-terima lewat daripada tarikh dan waktu yang di-tetapkan akan di-tolak.

3. Tawaran2 ada-lah bagi pembekalan kenderaan yang berikut: —

| | | |
|---|---|---|
| Light Vans | — | 21 buah |
| 15 Cwt Pick-Ups | — | 2 buah |
| 3 Ton Trucks | — | 2 buah |

4. Tarikh pembekalan kenderaan hendak-lah di-nyatakan. Harga2 yang di-tawarkan ada-lah menurut CIF.

5. Tawaran2 mesti-lah di-hantar di-dalam sarong surat bertutop dan mempunyai tanda

"TAWARAN KENDERAAN UNTOK JABATAN TALIKOM BRUNEI"

tanpa membuboh nama pengirim-nya.

6. Keterangan2 lanjut boleh di-perolehi di-Pejabat Pengarah Talikom Brunei di-Jalan Istana Darusalam, Bandar Seri Begawan dengan membayar wang chagaran sa-banyak $200.00.

7. Kerajaan Brunei tidak-lah terikat untok menerima sebarang tawaran atau tawaran yang paling rendah.

## TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT BRUNEI VEHICLE TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon Saturday May 30th 1981.

2. Tenders received after the stipulated date and time will be rejected.

3. Tenders are for the supply of the following vehicles: —

| | | |
|---|---|---|
| Light Vans | — | 21 units |
| 15 Cwt Pick-Ups | — | 2 units |
| 3 Ton Trucks | — | 2 units |

4. Approximate date of delivery must be stated. All prices quoted on CIF

5. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked

"TENDERS FOR SUPPLY OF VEHICLES TO TELECOMS DEPARTMENT BRUNEI"

bearing no indication of the name of the tenderer.

6. Further details may be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darusalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $200.00.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# 80 EKAR TANAH DI-AMBIL BALEK

## Untok Jalan Pantai Muara-Jerudong-Tutong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-luas lebeh kurang 80 ekar kawasan tanah di-Daerah Brunei-Muara dan Tutong terlibat dalam pengambilan balek oleh Kerajaan kerana di-kehendaki untok pembenaan Jalan Pantai dari Muara-Jerudong-Tutong.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, telah mengistiharkan pengambilan balek itu dalam Warta Kerajaan Bahagian II Bilangan 8 tahun ini.

Pengambilan balek tersebut telah di-buat di-bawah kuat-kuasa Bab 5 Cheraian (1) dari Undang2 Pengambilan Balek Tanah yang memberikan kuasa kapada YAB Menteri Besar untok mengistiharkan-nya.

### PENYIASATAN

Pengistiharan itu di-buat satelah YAB Menteri Besar berpuas hati sa-telah di-jalankan penyiasatan bahawa tanah2 yang di-terangkan dalam jadual kapada pengistiharan itu ada-lah di-kehendaki bagi maksud berkenaan.

Dari keluasan yang akan di-ambil balek itu lebeh kurang 59 ekar daripada-nya terletak di-Daerah Brunei dan Muara, manakala lebeh 21 ekar lagi di-Daerah Tutong.

Satu peta mengenai tanah yang di-ambil balek itu dan kawasan yang di-tentukan dalam pengistiharan tersebut boleh-lah di-pereksa oleh tuan2 punya tanah yang terlibat di-Pejabat Tanah Brunei pada waktu2 bekerja.



Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg Abd Momin.

### JALAN LANCHAR

Pembenaan Jalan Pantai tersebut kini sedang berjalan lanchar yang di-usahakan oleh dua buah pemborong. Jalan sa-jauh 37 batu itu akan mempunyai empat lorong, tetapi dua lorong saja akan di-buboh aspal dan akan di-hubongkan oleh 11 buah jambatan.

Pembenaan jalan dari Muara ka-Jerudong telah pun di-jalankan kerja2-nya oleh sharikat Swee Sendirian Berhad sa-jauh 17½ batu dengan menelan belanja hampir $20 juta. Kerja2 pembenaan ka-atas bahagian jalan tersebut telah pun di-mulakan sejak bulan September 1978 dan di-jangkakan siap akhir tahun ini.

Dua buah jalan juga akan di-bena ka-atas bahagian jalan tersebut yang akan di-berikan kontrek berasingan. Rangkaian itu ia-lah melalui Kampong Tungku sa-jauh lima batu dari Jalan Gadong dan yang satu lagi iuga sa-iauh lima batu dari Batu 5, Jalan Berakas.

### JAMBATAN

Bahagian jalan dari Jerudong menembusi ka-Tutong, di-bena oleh sharikat R. O. Gonzales dari Filipina yang memulakan kerja-nya sejak Februari 1979.

Pembenaan jalan di-bahagian tersebut sa-jauh 19½ batu dan akan di-hubongkan oleh sembilan buah jambatan dengan menelan belanja hampir $40 juta.

Apabila siap nanti jalan dari Jerudong ka-Tutong itu akan melalui pusat perniagaan Pekan Tutong dan Perkhemahan Battalion Kedua AMDB.

Ada-lah di-harapkan dengan siap-nya pembenaan kedua-dua bahagian jalan berkenaan ia-nya akan dapat melonggarkan kesesakan lalu-lintas dari kawasan Bandar Seri Begawan dan Muara di-samping memberi kemudahan perjalanan dengan keupayaan perjalanan dua hala lalu-lintas.

# JANGAN SAPERTI "KIKEK SAUK-SAUK"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di-negeri ini di-ingatkan supaya jangan hanya menjadi 'pendengar' sahaja dalam perkara2 ugama, kerana kalau hanya bersifat begitu dan tidak mengamalkan anjoran2 ugama yang di-sampaikan, maka ia-nya tidak mendatangkan makna apa2.

Demikian di-jelaskan oleh Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan ketika merasmikan sambutan Isra dan Meraj anjoran pendudok2 Kampong Setia Pahlawan, Kampong Ayer bertempat di-rumah Ketua kampong tersebut pada malam Jumaat lepas. Saterus-nya beliau berkata, di-samping mendengar cheramah2 ugama yang di-sampaikan itu, kita hendak-lah mengamalkan anjoran yang di-suroh dan meninggalkan perkara2 yang di-larang.

### MENGANGGOK

Kata-nya, kita tidak mahu orang2 Islam hanya tahu menganggokkan kepala mereka ketika berada di-dalam satu2 majlis keugamaan, tetapi melupakan-nya apabila keluar majlis.

"Ini sama-lah dengan sifat kikek sauk-sauk dilantor ia taranah sa-bentar, kemudian tidak lama atau ada angin kenchang sedikit, sauk-sauk ia kembali," demikian Awang Haji Abdul Aziz mensifatkan sa-bilangan sikap orang2 Islam.

Maka kerana bersifat saperti kikek ini-lah, banyak masaalah orang2 Islam tidak dapat selesai dengan chepat dan baik. Sebab itu, kata-nya, moral orang2 Islam sendiri kian merosot dan meruncing.

### PERHATIAN

Dalam hal ini, beliau menarek perhatian kapada kandongan dalam khutbah Jumaat baru2 ini mengenai orang2 yang dalam pertunangan. Di-mana khutbah itu menekank[...] supaya orang yang be[...] tunang jangan munda[...] mandir ka-sana ka-ma[...] berdua2an kerana hukum[...]nya haram dan berdosa.

Dan, pertunangan itu bu[...]kan 'lesen' pass untok ber[...]gaul bebas. Kalau mah[...] selamat di-chepatkan per[...]kahwinan dengan 'Aka[...] Nikah' atau 'Nikah Gan[...]tong', kemudian upachara persandingan. Begitu-la[...] anjoran ugama dalam khutbah yang di-kata[...] beliau itu.

Sa-balek-nya, apa ya[...] di-kesalkan tentang si[...] orang2 Islam, kata-n[...] ia-lah ketika berada [...] masjid telah di-beri 'c[...]haya hidayat' tetapi a[...]bila keluar masjid seg[...] penerangan ugama ya[...] telah di-anjorkan [...] hilang lenyap begitu sa[...]ja tanpa memberi kesan.

### HIDAYAT

"Perkara ini tidak da[...]pat di-nafikan, kerana i[...]nya banyak berlaku d[...]hadapan mata kita s[...]tiap hari. Umpama-nya muda-mudi yang seda[...] bertunang2an tidak s[...]gan silu dan lalu-lalang d[...]hadapan ibu-bapa-nya sendiri, sedang ibu-bapa[...]nya membiarkan hal i[...] berlaku, wal-hal merek[...] tahu bahawa perbuatan itu di-larang oleh ugama Islam," tegas-nya.

Awang Haji Abd[...] Aziz berpendapat, terda[...]pat dua faktor yang me[...]jadikan perkara ini d[...]anggap ringan oleh orang Islam. Pertama ia-la[...] hilang-nya sikap tid[...] yakin sa-ratus pera[...] terhadap anjoran ugam[...] dan kedua kerana oran[...] Islam sendiri maseh t[...]ikat kapada kebiasaa[...] atau beranggapan salah.

Oleh itu, beliau menye[...] masharakat Islam seluroh[...]nya supaya menilai se[...]mula pendirian dan sikap kita yang salah itu, jangan nanti ia sampai merugikan jenerasi kita akan datang.

## Tujuan pemberian tanah TOL

Dari muka 1

merasa kesal tentang sikap sa-tengah orang2 kita bila di-berikan tanah.

"Tanah itu hanya di-biarkan begitu sahaja sahinggakan di-tumbohi oleh hutan rimba dan semak samun," ujar-nya.

Di-samping itu, tambah-nya apabila tanah itu sudah di-benarkan oleh kerajaan, akan di-jual pula kapada orang lain bagi mendapatkan keuntongan yang besar, kadang2 sahingga tidak pernah mengusahakan tanah itu atau mengetahui tempat kedudokan-nya.

"Ini-lah attitude orang2 kita yang tidak pernah bershukor akan pemberian kerajaan," jelas-nya.

Kata-nya lagi, kedudokan sa-umpama itu sangat menyedehkan kerana ia-nya menghehampakan harapan kerajaan untok memberi kesenangan kapada raayat dan supaya di-negeri kita ini tidak ada terdapat apa yang di-gelar 'landless', orang2 yang tidak mempunyai tanah, seperti di-negeri2 yang sedang membangun.

### KEKURANGAN

Menyentoh tentang pemberian tanah TOL, beliau menjelaskan, bahawa pemberian itu ada-lah bertujuan untok mengurangkan sa-chara sementara masaalah kekurangan tanah dan tanah saumpama itu bukan-lah tanah deposit yang dapat di-keluarkan geran.

Apa yang memeranjatkan, kata-nya, sa-tengah2 pemohon tanah TOL itu bukan-lah orang2 yang benar2 memerlukan-nya, tetapi ada-lah bertujuan untok mendapatkan keuntongan dengan membangunkan rumah untok di-sewakan kapada orang2 bukan raayat yang sangat memerlukan tempat tinggal.

## Kejohanan renang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan renang anjoran Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan akan di-adakan di-kolam renang Anggerek Desa pada hari Jumaat, 29hb Mei yang akan datang ini.

Juruchakap penganjor ketika kami hubongi baru2 ini menjelaskan bahawa sa-banyak 18 achara akan di-pertandingkan di-perengkat akhir itu.

Yang Dipertua Persatuan Renang Amator Negeri Brunei, Pengiran Idriss ibni Al-Marhum Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad, Pegawai Daerah Belait akan menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 dalam kejohanan itu.

## Tarikh tutop penyertaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Kebangsaan Brunei mengumomkan yang tarikh tutop bagi menyertai Kejohanan Chator bagi Daerah Brunei-Muara ia-lah pada 30hb Mei ini.

Mereka yang ingin menyertai perlawanan tersebut ada-lah di-minta berhubong segara dengan Pengiran Mohammad Limbang bin PLW Pengiran Haji Mohd Yussof di-Pejabat Penchen, Mohammad Haji Wasli di-Pejabat Imigeresen, Mohammad Haji Damit di-Jabatan Radio dan Talivishen, Mohd Asnawi Haji Abd Halim di-Yunit Peranchang Ekonomi dan Jafar bin Timbang di-Pejabat Letrik.

## Nahas jalan raya meningkat

TEMBURONG.—Jumlah kematian di-jalan raya telah meningkat kapada 18 orang dengan terkorban-nya dua orang pemuda Rabu lepas. Mangsa pertama, Awang Mudin bin Ahmad telah terbunoh apabila kereta yang beliau pandu terbebas di-Batu 6, Jalan Labu di-sini.

Kemalangan kedua berlaku di-jalan Berakas berdepanan dengan Perkhemahan Bolkiah, di-mana Awang Mohammad Noor bin Mohammad, 35 tahun telah terkorban. Allahyarham Awang Mudin bertugas sabagai sa-orang anggota Pulis sementara Allahyarham Awg Mohammad Noor bertugas di-Jabatan Radio dan Talivishen Brunei.

## Memupok semangat perpaduan

Dari muka 1

pat-nya bagi pegawai2 dan kaki-tangan kerajaan untok menyedari akan tanggong-jawab mereka dalam menjaga dan mengawal keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan hidup raayat dan negara.

Terdahulu dalam sabda-nya, Yang Amat Mulia menjelaskan bahawa pertandingan sa-umpama itu bukan-lah bertujuan sa-mata2 untok menchari kemenangan atau untok menaikkan imej sa-sebuah jabatan kerajaan yang beruniform, tetapi ia-nya lebeh banyak bertujuan untok memupok semangat perpaduan di-kalangan anggota2 pasokan beruniform di-samping untok menghayati ajaran2 kitab suchi Al-Kor'an dengan sa-benar2-nya.

Turut beruchap di-majlis itu ia-lah Awang Haji Yaccob bin Haji Yusof, Pengawal Pasokan Bomba Brunei.

Antara yang hadhir di-pertandingan itu termasok-lah Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria2, Ketua2 Jabatan beruniform yang mengambil bahagian dan lain2 pegawai kerajaan.

## Perlawanan persahabatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan bolasepak Bru[...] yang akan mewakili ne[...] ini ka-perlawanan Bolasep[...] Sekolah2 Asia di-Jakar[...] akan mengadakan perlawan[...] perchubaan dengan pasoka[...] bolasepak negeri Sabah.

Pemain2 Brunei itu di-jan[...]ka akan berada di-negeri te[...]sebut sa-lama tiga hari [...] mana mereka akan berlaw[...] dengan Pasokan Sekola[...] Champoran Sabah pada 29[...] Mei dan Pasokan Sabah [...] Piala Razak pada 30hb Mei.

Dalam perlawanan perch[...]baan-nya menemui pasoka[...] bolasepak tempatan pasok[...] tersebut pada keseluroh[...]nya telah menchapai keja[...]an yang memuaskan.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.